

DARIPADA Anas bin Malik bahawasanya
Rasulullah bersabda yang maksudnya :
"Hormatilah anak-anakmu dan perbaikilah
adab-adab mereka".
- Hadis Riwayat Ibnu Majah.

PASUKAN POLO NBD RANGKUL PINGAT GANGSA BAGI KATEGORI '4-6 GOAL'

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANGKOK, THAILAND,
Jumaat, 19 Disember. -
Pasukan Polo Negara
Brunei Darussalam (NBD)
berjaya menundukkan
Pasukan Polo Republik
Indonesia dengan
keputusan mata 6-5, sekali gus merangkul
pingat gangsa pada Perlawanan Polo bagi
Kategori '4-6 Goal' semasa Sukan Asia
Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 yang
berlangsung di Padang Vs Sports Club,
Bangkok, Thailand.



>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri
Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka
Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul
Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta
pemain-pemain Pasukan Polo Negara Brunei
Darussalam yang lain ketika di podium.
- Foto : Azmah Haji Ahad.



Komited memartabatkan pantun melalui pendidikan, penglibatan komuniti

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21
Disember. - Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan (KKBS) telah
mengadakan Majlis Meraikan Pantun
ke Senarai Representatif Warisan
Budaya Tak Ketara UNESCO 2025,
pada hari ini, bertempat di Hab
Tenaga Brunei Dermaga Diraja,
di ibu negara.

Majlis tersebut diadakan
sebagai tanda kesyukuran dan
penghargaan atas kejayaan pantun
yang diiktiraf secara rasmi ke dalam
Senarai Representatif Warisan
Budaya Tak Ketara Kemanusiaan
oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains
dan Kebudayaan Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

>> Muka 5

160 sukarelawan terima sijil penghargaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20
Disember. - Yayasan Sultan Haji Hassanal
Bolkiah (YSHHB) malam tadi mengadakan
Majlis Penghargaan Sukarelawan YSHHB
berlangsung di Dewan Seri Sutera, Seri Qlap
Mall, di sini.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda
pengiktirafan dan penghargaan YSHHB
terhadap komitmen, dedikasi serta

sumbangan berterusan para sukarelawan
yang banyak membantu menjayakan
pelbagai projek dan aktiviti kebajikan YSHHB
sepanjang tahun 2024 hingga 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang
Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi
Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah
dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti
Bantuan-bantuan YSHHB.

>> Muka 4

Memastikan perancangan, pelaksanaan pembangunan berjalan lancar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TEMBURONG, Sabtu, 20 Disember. - Bagi
memastikan perancangan dan pelaksanaan
pembangunan di Negara Brunei Darussalam
berjalan lancar dan selari dengan hala tuju
negara, Kementerian Pembangunan
mengadakan Sesi Dialog Pembangunan
bersama Penghulu-penghulu Mukim dan
Ketua-ketua Kampung Daerah Temburong di
Kediaman Rasmi Pegawai Daerah
Temburong, Pekan Bangar di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad
Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan
dalam ucapannya menyatakan bahawa Sesi
Dialog ini mencerminkan komitmen serta
usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk
sentiasa mendengar suara di setiap
peringkat khususnya akar umbi.

>> Muka 5



Berita Utama



HADAPI tahun baharu dengan iman,
takwa

Muka 4




MEMPERKASA kesejahteraan warga
emas

Muka 6



DUKUNG ekosistem usahawan
belia, perkukuh jaringan komuniti

Muka 9



RENCANA

MENELUSURI keindahan
panorama perairan Sungai Brunei
penuh sejarah

Muka 20

Rantau BIMP-EAGA siap sedia menerima inovasi baharu golongan belia

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil Alameen
Wassalatu Wassalamu Ala
Asyrafil Anbiyaie Wal Mursalin
Sayyidina Muhammadin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
dan selamat pagi kepada semua.

PERTAMA sekali, adalah suatu penghormatan bagi saya untuk bertemu dengan awda semua, para belia serta aspirasi usahawan yang akan membentuk masa depan negara kita dan rantau BIMP-EAGA.

Di sekeliling kita, teknologi telah berkembang dengan pesat, keterhubungan digital semakin meluas, pasaran global elektronik terus berubah, sekali gus mengubah cara perniagaan bersaing serta cara masyarakat hidup dan bekerja.

Dalam landskap ini, keusahawanan tidak lagi terikat oleh faktor umur, geografi atau skala. Satu idea inovatif yang digerakkan oleh teknologi dan kolaborasi berupaya mengubah industri, mewujudkan pasaran baharu serta memajukan komuniti.

Realiti ini menzahirkan satu mesej yang jelas, para usahawan belia kita bukan sekadar peserta dalam ekonomi, malah mereka adalah arkitek kepada masa depan BIMP-EAGA yang dipacu oleh inovasi.

Dalam semangat ini, kita mengangkat tema perhimpunan pada hari ini, 'Mencorakkan Masa Depan Berteraskan Inovasi dan Kolaborasi Rentas Sempadan

bagi Usahawan Generasi Baharu'. Tema ini mengingatkan kita bahawa masa depan perlu dibina dengan kesungguhan, inovasi serta usaha bersama merentasi sempadan.

Sejak penubuhannya pada tahun 1994, BIMP-EAGA telah dipandu oleh satu prinsip yang ringkas namun berkuasa, kemajuan kita akan lebih memberangsangkan apabila kita melangkah maju bersama-sama.

Subrantau kita merupakan tempat tinggal kepada lebih daripada 81 juta penduduk. Kita bersyukur dengan sumber yang melimpah ruah, kepelbagaian budaya, bakat yang berkemahiran dan koridor strategik yang menghubungkan kita dengan pasaran global utama.

Industri pertanian dan perikanan kita, sektor pelancongan, industri kreatif dan biodiversiti unik yang kita miliki menawarkan peluang yang luas untuk usaha yang diterajui belia, daripada pertanian dan akuakultur mampan hinggalah kepada ekopelancongan dan industri berasaskan industri bio. Selain itu, kedudukan strategik kita sebagai laluan semula jadi antara ASEAN dan Asia timur.

Dalam ekonomi global masa kini, inovasi merupakan aset yang paling bernilai.

Di seluruh BIMP-EAGA, kita menyaksikan transformasi yang memberangsangkan dalam bioteknologi, pertanian tepat, platform digital, tenaga bersih serta pelancongan berasaskan teknologi. Golongan usahawan muda sudah pun menerajui perubahan dengan menyesuaikan penggunaan teknologi tercanggih dalam sektor perikanan, menggunakan dron dalam pertanian, memperluaskan perdagangan digital dan mengaplikasikan bioteknologi

bagi memperkukuhkan keselamatan makanan.

Banyak alat transformasi seperti Kecerdasan Buatan (AI), perkhidmatan awam, pembayaran digital dan e-Dagang rentas sempadan kini sudah tersedia. Para pencipta inovasi yang berjaya ialah mereka yang mampu mengintegrasikan alat-alat ini, menyesuaikan model yang telah terbukti berkesan serta memperhalusi teknologi global agar selaras dengan keperluan tempatan dan serantau.

Golongan Belia BIMP-EAGA tidak perlu mencipta semula setiap penyelesaian. Sebaliknya mereka boleh memanfaatkan teknologi sedia ada secara kreatif bagi membuka dan merealisasikan peluang di rantau ini.

Pada hari ini BIMP-EAGA semakin saling berhubung melalui penambahbaikan rangkaian pengangkutan, laluan pelancongan digital, serta jaringan perdagangan digital yang mewujudkan peluang baharu kepada para usahawan untuk berkembang dan menembusi pasaran merentas sempadan.

Ekosistem keusahawanan kita merangkumi Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah, Sarawak, Kalimantan, Mindanao, Sulawesi dan Palawan serta berhubung secara semula jadi dengan rantau ASEAN yang lebih luas dan Asia Timur.

Sesebuah produk yang direka di NBD boleh diuji pelaksanaannya di Sabah, dihasilkan di Kalimantan dan dipasarkan di Mindanao. Platform digital yang dibangunkan di Sulawesi pula mampu memberi perkhidmatan kepada pelanggan di



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Majlis Program Dialog Bas Belia BIMP-EAGA 2025 yang berlangsung pada Sabtu, 6 Disember 2025 di Bilik Auditorium Bangunan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Muhammad Aiman Najib Hamzah

Sarawak, Palawan dan seterusnya.

Apabila idea merentas sempadan, ia akan berkembang. Apabila bakat saling berhubung, inovasi dipercepatkan. Apabila ekosistem disepadukan, perniagaan berkembang maju. Dalam konteks ini, kerjasama merentas sempadan bukan sekadar satu pilihan, ia merupakan kelebihan strategik kita.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	ISNIN	1	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
23	SELASA	2	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
24	RABU	3	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
25	KHAMIS	4	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
26	JUMAAT	5	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
27	SABTU	6	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
28	AHAD	7	4.53	5.03	6.26	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	31 25 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 22 DISEMBER 2025

Adab mulia kunci kesejahteraan hidup bermasyarakat

ADAB merupakan cerminan keperibadian seseorang dalam bersikap, bercakap dan bertindak. Dalam kehidupan sehari-hari, adab berperanan penting kerana menjadi dasar terciptanya hubungan yang harmoni antara individu dan sesama masyarakat secara umumnya. Orang yang beradab akan dihormati, dipercayai, dan disenangi oleh orang sekelilingnya.

Adab juga adalah salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia kerana adab mencerminkan kualiti keperibadian seseorang dan nilai moral yang dimiliki.

Dalam kehidupan bermasyarakat, adab menjadi kunci terwujudnya kesejahteraan. Bersikap sopan kepada jiran, mematuhi peraturan, menjaga kebersihan alam sekitar serta menghormati perbezaan pendapat dan latar belakang merupakan bentuk adab sosial. Dengan adab yang baik, masyarakat dapat hidup harmoni dan sejahtera meskipun memiliki perbezaan.

Adab bukan hanya menyentuh mengenai sikap sopan santun, tetapi ia adalah asas utama dalam membentuk karakter individu yang bermoral, bertanggungjawab dan berakhlak baik.

Di tengah perkembangan zaman yang semakin moden ini, nilai-nilai adab dipandang ringan, terutama dalam pergaulan remaja dan kehidupan sosial. Oleh itu, pengajaran mengenai adab perlu dititik beratkan lagi agar generasi pada masa ini dan akan datang terus memegang teguh nilai adab yang baik.

Rumah merupakan tempat pertama dan utama bagi seorang anak dalam proses pembentukan adab. Sebelum mengenal sekolah dan masyarakat luas, anak-anak terlebih dahulu belajar daripada keluarga, khususnya ibu bapa. Oleh kerana itu, pengajaran adab dari rumah memiliki peranan yang sangat penting dalam membentuk keperibadian, sikap, dan perilaku anak pada masa depan. Adab yang ditanamkan sejak awal ini akan menjadi kebiasaan yang melekat dan menjadi pedoman anak dalam menjalani kehidupan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Sesungguhnya yang paling aku cintai dan paling dekat denganku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak terbaik. Dan orang yang paling aku benci dan yang paling jauh dariku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak yang paling keji, iaitu orang yang mereka-reka percakapannya, orang yang berlagak pandai dan orang yang bercakap besar (sombong dan bongkak)".

Agama Islam sangat menitikberatkan soal adab dan akhlak dalam kehidupan. Bahkan adab dan akhlak adalah dua perkara yang sangat penting dan lebih diutamakan sebelum kita mempelajari sesuatu ilmu, kerana tiada gunanya seseorang itu memiliki ilmu yang hebat dan tinggi, akan tetapi tidak memiliki adab dan juga akhlak yang baik.

- Ketua Penyuntingan (Kr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Pasukan Polo NBD rangkul pingat gangsa bagi Kategori '4-6 Goal'

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad



>> Muka 1

Berangkat mewakili Pasukan Polo NBD, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal



Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji

Jefri Bolkiah. Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali



Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Dalam perlawanan *chukka* pertama menyaksikan Pasukan Polo NBD terikat 2 - 2, di mana mata pertama dari Pasukan Polo NBD berjaya dihasilkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar, dan mata kedua dihasilkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Manakala pada perlawanan *chukka* kedua tiada jaringan dihasilkan, namun kedua-dua pasukan berbalas serangan dan akhirnya terikat 4 - 4 dalam *chukka* ketiga hasil dua jaringan dari Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar berjaya menambah dua mata pada *chukka* keempat bagi Pasukan Polo NBD dan Pasukan Polo Republik Indonesia memperoleh tambahan 1 mata, menjadikan kedudukan mata 6 - 5.

Kedudukan 6 - 5 kekal hingga tamat perlawanan, sekali gus

mengesahkan pingat gangsa dimiliki oleh Pasukan Polo NBD.

Berkenan mengurniakan pingat gangsa Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar beserta pemain-pemain Polo NBD yang lain ialah Her Royal Highness Princess Sirivannavari Nariratana Rajakanya.



BERKENAN mengurniakan pingat gangsa Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (atas dan bawah). Manakala gambar atas kiri, berangkat mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD), Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan.

HALUAN

>> Muka 2

Lebih daripada separuh penduduk di BIMP-EAGA berusia di bawah 35 tahun. Profil demografi ini merupakan satu aset yang amat bernilai, iaitu sebuah khazanah kreativiti, kecekapan digital dan aspirasi keusahawanan.

Melalui inisiatif seperti Kerangka Kerjasama Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) BIMP-EAGA, kita sedang memperluas pembangunan kemahiran, latihan teknikal serta mobiliti bakat merentas sempadan bagi mempersiapkan golongan belia menghadapi industri masa depan.

Kerajaan-kerajaan di seluruh BIMP-EAGA komited untuk memastikan kejayaan usahawan generasi akan datang dengan memperkukuhkan ekosistem keusahawanan, khususnya melalui penekanan terhadap transformasi digital, inovasi dan penyertaan inklusif, yang disokong oleh kerjasama erat dengan sektor swasta.

Inisiatif utama ekosistem keusahawanan merangkumi,

penubuhan dan sokongan hab permulaan (*startup hubs*) di seluruh BIMP-EAGA bagi memacu pertumbuhan berasaskan inovasi. Usaha transformasi digital yang menyasarkan liputan jalur lebar 100 peratus menjelang tahun 2025 bagi meningkatkan tahap keterhubungan. Aktiviti yang diterajui oleh sektor swasta seperti Persidangan Perdagangan anjuran Majlis Perniagaan BIMP-EAGA, Pelaburan dan Persidangan Halal, yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan dan integrasi. Cadangan projek konvergensi baharu termasuk kad BIMP-EAGA Connect (BEC), Integrasi e-Wallet rentas sempadan, serta Hab Penyatuan e-Dagang Sungai Tujuh bagi memperkukuh keterhubungan digital dan keterangkuman ekonomi. Projek infrastruktur utama seperti Lebuhraya Pan Borneo, Lebuhraya Pantai Utara, Kajian Kebolehlaksanaan Kereta Api Trans Borneo serta Pelabuhan Laut Dalam Tanjung Embang. Projek-projek ini dijangka memperkukuh mobiliti dan kecekapan rangkaian bekalan di

seluruh BIMP-EAGA. Sokongan berterusan terhadap penyertaan Perusahaan Mikro, kecil dan Sederhana (PMKS) dalam pameran perdagangan bagi meningkatkan akses pasaran serta peluang perniagaan.

Di Negara Brunei Darussalam, kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei Darussalam (BEDB) terus komited untuk memupuk budaya inovasi dalam kalangan usahawan belia melalui beberapa inisiatif utama. Antaranya ialah Program REACH anjuran BEDB yang kini memasuki kitaran kedua, yang bertujuan memperkasa belia universiti untuk mengubah idea menjadi penyelesaian yang berdaya maju, dengan pendedahan awal kepada pasaran negara jiran. Program ini turut menekankan kerjasama rentas sempadan melalui penganjuran bengkel, Sesi bimbingan serta peluang rangkaian profesional.

Seterusnya ialah Makmal Inovasi Brunei (Brunei Innovation Lab), yang memperkukuh hubungan serantau dengan

Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak serta Ekonomi Kreatif Sabah & Inovasi Sabah melalui pelaksanaan program-program seperti, Creative East, yang menampilkan syarikat permulaan teknologi kreatif. Borneo Hack Weekend yang diadakan setiap tahun bagi menggalakkan kolaborasi belia dan The Sarawak / Borneo Game Jams yang memfokuskan kepada pembangunan serta pengkomersialan permainan digital.

Program-program ini menyediakan bimbingan, akses kepada pembiayaan, serta platform kolaboratif bagi memupuk inovasi dan keusahawanan yang diterajui oleh golongan belia. Secara kolektif, inisiatif-inisiatif ini meningkatkan keterlihatan serantau, pertukaran bakat, akses pasaran, serta pembentukan perkongsian formal di seluruh ekosistem inovasi BIMP-EAGA. Dengan penekanan yang kukuh terhadap pemerikasaan belia dan kerjasama rentas sempadan dalam sektor kreatif dan teknologi.

Seperti yang kita lihat, satu

mesej yang kekal dan jelas "*inovasi akan memacu kemajuan kita, kerjasama rentas sempadan akan mempercepatkan pertumbuhan kita dan usahawan generasi seterusnya akan menerajui transformasi kita*".

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua hadirin untuk, beraspirasi dengan penuh keyakinan, mengadaptasi teknologi kesiapsiagaan, berfikir dan beroperasi melangkaui sempadan, memanfaatkan sepenuhnya alat serta rangkaian yang sedia ada dan membangunkan sesuatu yang belum wujud.

Masa depan BIMP-EAGA akan dibentuk oleh sejauh mana keberanian kita memanfaatkan inovasi dan kerjasama rentas sempadan pada hari ini bagi mewujudkan peluang pada masa hadapan. Rantau kita bersedia untuk menerima idea-idea anda, menyokong perjalanan serta berkembang bersama.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.

HADAPI TAHUN BAHARU DENGAN IMAN, TAKWA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-212.

TEMBURONG, Ahad, 21 Disember. – Tahun baharu bukan sekadar perubahan tarikh atau pertambahan angka pada kalendar. Hakikatnya, setiap kali tahun berganti, usia kita semakin berkurang dan perjalanan kita menuju akhirat semakin hampir.

Menghadapi tahun baharu dengan iman dan takwa bermaksud kita tidak menjalani kehidupan secara lalai, sebaliknya hidup

dengan kesedaran - kesedaran bahawa hidup ini adalah amanah, kesedaran bahawa setiap nikmat akan dipersoalkan dan kesedaran bahawa setiap amalan akan dihisab.

Demikian antara perkara yang diingatkan melalui tazkirah bertajuk 'Menghadapi Tahun Baharu dengan Iman dan Takwa Tanpa Meninggalkan Kemajuan Dunia' yang disampaikan oleh Pegawai

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Hazimin bin Haji Metali juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-212 yang bersiaran dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong baru-baru ini.

Awang Haji Hazimin seterusnya menyatakan namun, sering timbul persoalan : Adakah orang beriman perlu menjauhkan diri daripada kemajuan dunia? Jawapannya : Tidak. Islam tidak pernah melarang kemajuan.

"Islam hanya melarang kelalaian dan kemajuan yang membawa kepada maksiat. Bahkan, Islam menggalakkan umatnya menjadi kuat, berilmu dan maju. Marilah kita menyambut tahun baharu bukan dengan kelalaian dan pembaziran tetapi dengan rasa kesyukuran, kesedaran diri serta keazaman untuk berubah ke arah yang lebih baik.

"Semoga tahun yang mendatang menjadi tahun yang lebih mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, lebih menenangkan hati dan membawa keberkatan dalam kehidupan," jelasnya lagi.

Acara Munajat malam tadi turut dihadiri oleh Belia Masjid Harkatul Adzkia, jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penghulu Mukim Zon 1, Daerah Temburong, Awang Arbi bin Haji

Shahari, diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat III, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Norezam bin Zaini.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Belia Masjid Harkatul Adzkia, Awang Muhammad Hakim bin Md. Amin, Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Kampung Bokok, Daerah Temburong, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Kadir.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>. Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita rafakkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

160 sukarelawan terima sijil penghargaan



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Yang Berhormat dalam ucapannya menjelaskan, Majlis Penghargaan tersebut adalah khusus diadakan bagi meraikan ahli-ahli sukarelawan dan rakan-rakan strategik YSHHB yang memberikan impak positif membantu masyarakat yang memerlukan di negara ini dengan menerapkan pendekatan Whole of Nation secara sukarela melalui Projek dan Amal Kebajikan YSHHB.

Yang Berhormat yakin bahawa platform kesukarelawanan yang ada ini, akan dapat memberikan ruang kepada setiap lapisan masyarakat sama ada di peringkat

kumpulan atau individu untuk sama-sama menyumbang kepada mewujudkan persekitaran yang kondusif demi kesejahteraan bersama secara inklusif.

Pada majlis itu, seramai 160 ahli sukarelawan aktif menerima sijil penghargaan sebagai pengiktirafan atas khidmat bakti dan sumbangan mereka dalam menjayakan pelbagai inisiatif, program serta aktiviti kebajikan YSHHB sepanjang tahun 2024 hingga 2025.

Selain itu, majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Penghargaan Sukarelawan iaitu lima penerima bagi Penghargaan Sukarelawan Aktif (Lelaki) 2024/2025; lima penerima bagi Penghargaan Sukarelawan Aktif (Perempuan)



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan tengah), manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa berucap pada majlis berkenaan.

2024/2025 dan 10 penerima bagi Penghargaan Sukarelawan Lama Berkhidmat.

Ditubuhkan pada 9 Januari 2005, Unit Sukarelawan YSHHB adalah merupakan satu platform untuk membolehkan sesiapa sahaja yang berhasrat dan berminat menjadi sukarelawan YSHHB untuk tampil ke hadapan menyalurkan sumbangan khidmat bakti mereka dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kebajikan terutamanya dalam perkhidmatan masyarakat.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB; Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad

Jefri bin Abdul Rahman selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku

Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Juga hadir, Penolong Pengarah Urusan serta pegawai dan kakitangan YSHHB.





جائز فراتقان المكوني دان سالتينيك
FARAJA PERKAWAN TAKWA DAN SYAHID
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak




Download on the App Store
GET IT ON Google play

MEMASTIKAN PERANCANGAN, PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERJALAN LANCAR



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Dialog Pembangunan bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Temburong di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong, Pekan Bangar (kiri dan atas).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

"Seperti daerah-daerah lain, Daerah Temburong juga sama penting dalam agenda pembangunan negara.

"Inisiatif ini juga merupakan platform untuk membincangkan secara terbuka mengenai isu-isu yang sering dihadapi oleh Penghulu-penghulu Mukim dan

Ketua-ketua Kampung sebagai langkah menuju ke arah memperbaiki lagi perkhidmatan Kementerian Pembangunan," jelas Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, segala usaha pembangunan di Daerah Temburong telah pun dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan, dengan memberi

penekanan kepada kualiti perkhidmatan yang disampaikan.

Terdahulu, Sesi Dialog dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Ketua Kampung Bokok, Daerah Temburong, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Kadir.

Seterusnya, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung

serta Majlis-majlis Perundingan Kampung (MPK) dijemput untuk mengongsikan segala kemaslahatan dan cadangan-cadangan ke pihak Kementerian Pembangunan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr.

Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta MPK, pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Komited memartabatkan pantun melalui pendidikan, penglibatan komuniti



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Meraikan Pantun ke Senarai Representatif Warisan Budaya Tak Ketara UNESCO 2025 dan seterusnya menyampaikan ucapan (kiri dan kanan).

berasaskan pantun bersama komuniti pantun, merangkumi persembahan lagu asli, lagu kanak-kanak, bermukun serta tarian tradisional.

Penganjuran majlis ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam memelihara dan memperkasa warisan budaya tidak ketara selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memperkukuh jati diri, identiti kebangsaan serta kesinambungan budaya berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

PERSEMBAHAN seni budaya berasaskan pantun.



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Pengiktirafan ini diperoleh melalui pencalonan lanjutan bersama Republik Indonesia dan Malaysia yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan bagi Perlindungan Warisan Budaya Tidak Ketara (20.COM) UNESCO pada 11 Disember 2025 di New Delhi, Republik India.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa pengiktirafan pantun oleh UNESCO merupakan

satu pencapaian penting yang mencerminkan kekuatan warisan lisan Melayu sebagai wahana ilmu, nilai dan jati diri masyarakat.

Beliau turut menekankan peri pentingnya kesinambungan usaha pemeliharaan pantun melalui pendidikan, penglibatan komuniti serta sokongan institusi.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan lawatan tetamu kehormat ke Pameran Mini Pantun yang memaparkan latar sejarah, kepelbagaian bentuk, fungsi sosial serta perkembangan pantun dalam konteks tradisi dan kontemporari.

Majlis seterusnya diserikan dengan persembahan seni budaya

MEMPERKASA KESEJAHTERAAN WARGA EMAS



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 20 Disember. - Program Senada Kasih Majlis Semarak Bersama PKWE 2025 anjuran Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong telah diadakan di Kawasan Letak Kereta berhadapan Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Tutong, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang seterusnya melancarkan Majlis Semarak Bersama PKWE 2025.

Program ini diadakan sebagai

tanda kesyukuran sepanjang tahun 2025 di mana PKWE Daerah Tutong telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan kegiatan hasil kerjasama serta sokongan daripada ahli-ahlinya, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian tinggi termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD) serta pihak-pihak berkaitan yang lain. Sebagai salah satu kegiatan tahunan yang lazimnya diadakan pada penghujung tahun, pelbagai acara telah disusun bagi memeriahkan program ini. Pada tahun ini, program tersebut

menampilkan jualan dan permainan dalam skala sederhana yang melibatkan penyertaan Ahli-ahli PKWE serta orang ramai.

Aktiviti ini bertujuan memberi peluang kepada ahli-ahli untuk menjalankan perniagaan sebagai salah satu sumber ekonomi di samping mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan ahli-ahli sedia ada.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai; Penghulu Mukim Pekan Tutong, pegawai dan kakitangan Jabatan Pembangunan Masyarakat, jemputan khas serta

Ahli-ahli PKWE Daerah Tutong. Program seumpama ini diharapkan akan dapat diteruskan dan diperkasa pada masa akan datang dengan sokongan berterusan daripada pihak kerajaan serta agensi-agensi berkaitan agar pelaksanaannya dapat dijalankan secara lebih tersusun dan berkesan.

Usaha ini selaras dengan matlamat untuk memperkasa kesejahteraan warga emas, menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam aktiviti kemasyarakatan serta memperkukuhkan pembangunan sosial di Daerah Tutong secara berterusan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat melancarkan Majlis Semarak Bersama PKWE 2025 (kiri), manakala gambar atas dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.



Pilih Islam sebagai pegangan hidup



MAJLIS Pengislaman Lim Chin Hock yang kini dikenali dengan nama Islam, Muhammad Halim bin Muhammad Faisal.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PULAIE, Sabtu, 20 Disember. - Seorang lelaki berbangsa Cina, Lim Chin Hock, 35 tahun telah memilih Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu dengan melafazkan dua kalimah syahadah dalam satu Majlis Pengislaman yang diadakan di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie, petang tadi.

Majlis Pengislaman tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Lim Chin Hock di hadapan pegawai Bahagian Pengembangan Dakwah, PDI dan beliau kini dikenali dengan nama Islam, Muhammad Halim bin Muhammad

Faisal.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati yang diiringi Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Setakat 17 Disember tahun ini, seramai 253 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara, dan daripada jumlah tersebut, 133 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara.

Majlis Pengislaman kendalian PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama mencerminkan peranan berterusan negara dalam menyebarkan Islam secara penuh hikmah dan kasih sayang.

Bagi saudara-saudara baharu, majlis seumpama bukan sekadar

satu acara rasmi, malah merupakan permulaan perjalanan hidup baharu berlandaskan iman, ilmu dan penghayatan ajaran Islam.

Penganjurannya juga menekankan, tanggungjawab bersama masyarakat dalam membimbing, menyokong dan memperkukuh keimanan para saudara baharu agar terus istiqamah serta menjadi anggota masyarakat yang berakhlak dan berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam.

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.



EMERGE XIII : NADI NADA KETENGGAHKAN KARYA SENI ARTIS TEMPATAN



PAMERAN Nadi Nada - Every Rhythm Tells a Story, diadakan bermula 14 Disember 2025 hingga 18 Januari 2026, bertempat di Galeri Studio Creative Space yang terletak di Unit 6B, Block B, Tingkat 1, Kompleks Membeli-belah Sengkurong (atas, kanan dan bawah kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

SENGKURONG, Ahad, 21 Disember. - Creative Space Art Gallery & Studio telah melancarkan pameran terbaharunya, Nadi Nada - Every Rhythm Tells a Story, diadakan bermula 14 Disember 2025 hingga 18 Januari 2026, bertempat di Galeri Studio Creative Space yang terletak di Unit 6B, Block B, Tingkat 1, Kompleks Membeli-belah Sengkurong.

Sebagai sebahagian daripada program pameran Emerge XIII: Nadi Nada bertujuan menyediakan platform kepada bakat-bakat baharu dan yang sedang meningkat naik untuk mendapatkan pendedahan, sekali gus memberi ruang kepada suara artistik unik

mereka untuk diketengahkan dan dihargai.

Program Emerge juga menawarkan peluang kepada artis baharu untuk mempamerkan hasil karya mereka, membina rangkaian profesional serta meningkatkan keterlihatan dalam komuniti seni tempatan.

Melalui inisiatif ini, para artis yang terlibat dapat memperkembangkan lagi amalan seni mereka di samping menjalin hubungan dengan pengumpul karya seni, peminat seni, dan rakan-rakan kreatif.

Pameran ini dikurasi oleh Osman Mohammad, Nasihin Lisa, Ezzan Elmi, Syazilah Seffari, Mirza Dariah Tajudin dan Hanis Hanifawatul Hamid, dengan menampilkan sebanyak 73 karya seni hasil ciptaan



22 artis tempatan.

Karya-karya yang dipamerkan merangkumi lukisan, arca mini dan arca berskala besar ini mencerminkan kepelbagaian pendekatan serta ekspresi artistik.

Artis-artis yang mengambil bahagian ialah Aina Ariffeen, Aidenknow (Nadia Nabilah), Alnies Craft (Haniss Haziqah), Bob (Md. Kasyfi Al-Hakeem), Christine Lei, Faizal Hamdan, Fina Matussin, Hani Tahir, Haziro (Iman Hazira), Kat/Syilling (Nur Khadijah Zahraa), Mess Merized (Nabiihah), Nana (Nur Qistina), Nurul Akmal, Syazilah Seffari, Shin HM (Muhsin), Hariott Bunny (Hanis), Joi Hassan, Ezzan Elmi dan Nasihin Lisa.

Creative Space Art Gallery & Studio secara aktif menganjurkan pelbagai pameran dan acara bagi

meningkatkan kesedaran awam terhadap komuniti seni tempatan, di samping menyumbang kepada pertumbuhan dan kelestarian industri kreatif di negara ini.

Pameran tersebut dibuka

kepada orang ramai bermula Selasa hingga Ahad, bermula pukul 11.00 pagi hingga 5.00 petang, dan pada Jumaat dari pukul 3.00 petang hingga 6.00 petang. Galeri akan ditutup setiap Isnin.



Food Festival and Live Music Nights buka tirai

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Disember. - Dalam memeriahkan lagi Pesta Disember Brunei (BDF) pada tahun ini, Aman Hill Shopping Centre telah membuka tirai sebuah acara iaitu Food Festival and Live Music Nights, bertempat di Tingkat Bawah, Aman Hill Shopping Centre, hari ini.

Acara yang diadakan selama

dua hari sehingga 21 Disember 2025 itu turut menghimpunkan 10 vendor terdiri daripada pengusaha makanan dan minuman tempatan di samping menyerlahkan insan seni yang berbakat iaitu persembahan daripada tujuh artis tempatan, dua pancaragam dan sekumpulan penari yang secara tidak langsung menonjolkan bakat kreatif masyarakat Brunei

merentasi muzik secara langsung.

Dengan adanya acara sebegini, ia sememangnya dihasrat untuk menyediakan platform untuk penyanyi, penari dan penghibur tempatan untuk terus bersinar dengan adanya pendedahan dan berhubung dengan khalayak yang lebih luas.

Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan Aman Hill Shopping Centre untuk membina semangat kemasyarakatan yang teguh dan meletakkan pusat beli-belah sebagai destinasi hujung minggu untuk masyarakat di negara ini berkumpul, berehat dan menikmati suasana sama ada bersama keluarga, rakan atau rakan pencinta muzik dan juga makanan.



AMAN Hill Shopping Centre membuka tirai sebuah acara iaitu Food Festival and Live Music Nights, bertempat di Tingkat Bawah, Aman Hill Shopping Centre (kiri, atas kanan dan kanan).

23 PELAJAR TERIMA SUMBANGAN KELENGKAPAN SEKOLAH



PEMANGKU Penolong Rektor Bahagian Akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili selaku Ra'es PBA NBD dan Pengarah Pengurusan Syarikat Samima Sdn. Bhd., Awang Haji Hidayatullah bin Haji Tejudin hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan (kiri dan tengah), sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

MADANG, Ahad, 21 Disember. - Persatuan Bahasa Arab (PBA) Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Syarikat Samima Sendirian Berhad hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Keperluan Al Audah Ilal Madrasah bagi sesi persekolahan 2026.

Seramai 23 pelajar yang terpilih dari sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam menerima sumbangan kelengkapan sekolah yang telah disenaraikan oleh sekolah masing-masing. Hadir menyampaikan bantuan tersebut ialah Pemangku Penolong

Rektor Bahagian Akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili selaku Ra'es PBA NBD dan Pengarah Pengurusan Syarikat Samima Sdn. Bhd., Awang Haji Hidayatullah bin Haji Tejudin. Program seumpama ini

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



merupakan kali kedua ia diadakan oleh PBA dan julung kalinya berkolaborasi dengan Samima Sdn. Bhd. bertujuan bagi mengurangkan beban perbelanjaan para pelajar untuk

memulakan sesi persekolahan 2026. Ia juga ada bersempena dengan Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia yg disambut pada setiap 18 Disember setiap tahun.

Pameran Seni Untuk Semua tampil hasil karya ciptaan OKU

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Disember. - Bersempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) 2025, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempelawa orang ramai untuk mengunjungi Pameran Seni Untuk Semua (Art For All) 2025 Kali Ke-4 yang diadakan di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja bermula 14 Disember hingga 31 Disember 2025.

Mengangkat tema 'Nadi Warisan Brunei', pameran ini menzahirkan seni sebagai nadi warisan bangsa yang wajar dipelihara, dihargai dan diwarisi oleh generasi akan datang. Pameran ini menampilkan karya lukisan dan kraf tangan hasil kreativiti warga Pusat Bahagia seluruh daerah, bersama penyertaan NGO dan institusi pendidikan termasuk KACA, La Vida, Pusat Ehsan, SMARTER, Sekolah Menengah Lambak Kiri,

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Sekolah Rendah Anggerek Desa dan Sekolah Rendah Kapok Muara. Hasil karya tersebut berinspirasi identiti negara, hari-hari kebesaran dan perayaan, budaya dan tradisi, tempat-tempat menarik, keindahan alam serta aktiviti seharian.

Monsun Timur Laut dijangka berterusan sehingga Mac 2026

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Disember. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di dalam Monsun Timur Laut, yang lazimnya dijangka berterusan sehingga Mac 2026.

Keadaan cuaca aktif diramalkan berlaku bermula hari ini sehingga Khamis, 25 Disember 2025.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan negara terutama pada waktu petang dan malam, serta berpotensi berlanjutan sehingga ke awal pagi keesokan hari.

Kelajuan angin dijangka boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir, sementara di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, dengan ketinggian ombak antara 0.4 dan 1.2 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi semua bot bersaiz kecil, semua aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut adalah dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram serta WhatsApp Brunei Weather.

كلمة كبدان، بلاديان سوك
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


Pameran Seni Untuk Semua Kali Ke-4
Sempena Sambutan Hari Antarabangsa
Orang Kelainan Upaya 2025



نادي واريثن بروني
NADI WARISAN BRUNEI

14-31.Dis.2025

Hab Tenaga Brunei
Dermaga Diraja, Galeri 4



www.japem.gov.bn

info@japem.gov.bn



[japembrunei](https://www.facebook.com/japembrunei)

[japem](https://www.facebook.com/japem)

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

DUKUNG EKOSISTEM USAHAWAN BELIA, PERKUKUH JARINGAN KOMUNITI



ANTARA aktiviti yang diadakan semasa YDC Weekend Hype! (kiri dan bawah). Sementara gambar atas, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Belia (PPB), Awang Haswandi bin Haji Osman semasa menyaksikan vendor yang menyertai jualan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Pusat Pembangunan Belia

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Disember. - YDC Weekend Hype! secara keseluruhannya telah mencapai objektif yang digariskan dengan cemerlang, berperanan sebagai sebuah platform strategik yang mendukung ekosistem keusahawanan belia, memperkukuh jaringan komuniti serta menyerlahkan potensi generasi muda sebagai penggerak utama ekonomi negara.

Kejayaan itu membuktikan bahawa program tersebut bukan sahaja mampu melahirkan usahawan belia yang berdaya saing tetapi juga menjadi wadah penyatuan antara belia, masyarakat dan institusi latihan dalam suasana yang inklusif dan progresif.

Demikian antara ulasan Pemangku Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Belia (PPB), Awang Haswandi bin Haji Osman semasa ditemu bual selanjutnya menjelaskan, seiring dengan pencapaian tersebut, PPB berkomitmen untuk terus memperkukuh usaha pembangunan belia dengan melahirkan tenaga muda yang inovatif, berkemahiran tinggi dan berfikiran maju.

"Usaha ini diharapkan dapat menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam, sekali gus memastikan belia tempatan terus menjadi aset penting dalam menjayakan agenda pembangunan negara yang holistik dan berdaya tahan," ujarnya.

Awang Haswandi berkata, penganjuran program ini telah berjaya menarik kehadiran orang ramai ke PPB, sekali gus memperkukuh peranan pusat tersebut sebagai hab aktiviti belia dan komuniti yang berfungsi membangunkan potensi generasi muda serta menghubungkan mereka dengan masyarakat.

Kehadiran masyarakat daripada pelbagai lapisan umur bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi vendor, malah turut memperkaya interaksi antara belia, komuniti dan institusi latihan dalam suasana yang inklusif dan mesra.

Bagi menambah nilai serta daya tarikan program, tambahnya, pelbagai aktiviti sampingan telah dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat. Antaranya termasuk perkumpulan kelab-kelab kereta bersama pelepasan konvoi,

persembahan kawad jasmani oleh pelatih PPB, Pertandingan Dart, Persembahan Pentas oleh artis tempatan, pameran reptilia yang bersifat edukatif, cabaran Dare or Not Escape Challenge serta aktiviti rekreasi seperti permainan go-kart yang sesuai untuk dinikmati oleh seisi keluarga.

Keseluruhan aktiviti ini bukan sahaja menghidupkan suasana program, malah menjadikan YDC Weekend Hype! sebagai sebuah acara yang menyatukan hiburan, pendidikan dan keusahawanan dalam satu platform aktiviti belia dan komuniti yang dinamik.

Program ini bukan sahaja memberi pendedahan dan peluang praktikal kepada belia dalam bidang keusahawanan, malah turut menyokong pelaksanaan Dasar Belia Negara serta strategi pembangunan belia melalui pengukuhan kapasiti, kebolehpasaran, daya saing dan penglibatan aktif belia dalam aktiviti ekonomi dan pembangunan komuniti.

Seiring dengan kejayaan penganjuran program ini, PPB merancang untuk memperluaskan dan memperkukuhkan lagi inisiatif keusahawanan belia pada masa hadapan.

Perancangan tersebut termasuk mewujudkan program latihan keusahawanan berstruktur yang lebih intensif untuk belia berpotensi, mengadakan kerjasama dengan sektor korporat dan pihak swasta untuk memperluaskan peluang pasaran serta sokongan mentor kepada belia, serta menyelaraskan inisiatif pembangunan belia dengan dasar dan strategi negara bagi memastikan pembangunan holistik yang seimbang antara keusahawanan, pendidikan, kemahiran dan kesejahteraan belia.

Projek Keusahawanan YDC Weekend Hype! dianjurkan bersempena cuti sekolah penggal akhir tahun 2025 dengan kerjasama antara Pusat Pembangunan Belia dan Syarikat Aiz Event Management berkonsepkan *pop-up* market, berlangsung selama tiga hari bermula 19 hingga 21 Disember 2025 di PPB, Kampung Tanah Jambu.

Penganjuran projek ini bertujuan menonjolkan peranan PPB sebagai sebuah institusi latihan kemahiran yang bukan sahaja melahirkan golongan belia berkemahiran

dalam pelbagai bidang tetapi juga melahirkan usahawan belia serta golongan sasaran dalam bidang keusahawanan.

Melalui program seperti YDC Weekend Hype!, pusat ini menyediakan platform latihan praktikal dan peluang perniagaan yang memberi ruang kepada belia untuk mengasah bakat, meningkatkan keyakinan diri, serta membina jaringan dengan komuniti dan pihak industri.

Projek ini turut menjadi salah satu inisiatif keusahawanan yang dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Belia ke arah menyediakan wadah kukuh bagi mendukung ekosistem keusahawanan belia di Negara Brunei Darussalam.

Dengan pendekatan ini, belia bukan sahaja diperkasa dari segi keusahawanan tetapi juga dipersiapkan dengan kemahiran pelbagai bidang yang relevan untuk menghadapi cabaran masa depan.

Kolaborasi ini menampilkan lebih daripada 50 vendor terdiri daripada pelatih Program Pembangunan Belia sesi 2025, alumni Usahawan Program YDC Light's On serta Usahawan Belia di Negara Brunei Darussalam sama ada secara

individu atau berkumpulan.

Penyertaan vendor ini memberi peluang kepada belia untuk mengaplikasikan kemahiran keusahawanan, pemasaran dan pengurusan perniagaan yang telah dipelajari secara teori dan praktikal, di samping memperkukuh keyakinan diri serta

membina jaringan dengan masyarakat dan majikan.

Pelbagai kategori jualan turut ditawarkan termasuk makanan dan minuman, produk seni kreatif, aksesori, pakaian serta produk komersial lain yang mencerminkan kepelbagaian dan kreativiti usahawan belia tempatan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025
2. 'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025
3. 'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

سردار سروي

مرايه قهلا برتروسن دغن بروقف

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيكتكن كإيمانن كغدن. سسوغكوهن اورغ يغ فاليع ملبا دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياهه اورغ يغ فاليع برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغليغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن دنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

سسوغكوهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مغليدوفكن كيت دموك بومي اين بوكن سيا-سيا، تنافي دغن توجوان يغ ساعة مليا: اونتوق مغليديكن ديري كغدن، توهن يغ مها فتجيتا دان مها برکواس. مغليديكن ديري برارتي برعباده، منطاعتي قرينتهن، ميمفورناكن امانه، يراكو عادل دان منجاوهي سكل فريواتن دوسا اكر هيدوف كيت دبركاتي دان داخيرة كيت ممقراوله كريضان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

مك سباكي همبا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، سوده تنو كيت سنتياس ماهو برادا دكت كغدن سرت منجادي همبان يغ دكاسيهي كران اورغ يغ دكاسيهي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكن منداقت رحمة، هدايه دان برکت سرت قريلندوغن درغد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. ترداقت بيراف عملن يغ بوليه مندكتكن ديري كيت كغدن، انتاران دغن مبلنجاكن واغ اتاو هرتا دجالن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة آل عمران آية ۹۲:

تفسيرن: كامو سكالی-کالی تيدق اكن دافت منجاواي (حقيقت) كيتيان (يغ سمفورنا) هيغك كامو منفقهكن سباكين درغد اف يغ كامو ساغي. دان اف سهاج يغ كامو نفقهكن ايت مك سسوغكوهن الله مها مغتهوين.

ملالوئي آية اين، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى منجلسكن كغد اورغ-اورغ يغ برلمان بهاوا مريك تيدق اكن ممقراوله حقيقة كجاجيقن يغ سمفورنا دان قهلا، يايث شرك، رحمة دان رضاء الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سرتا سلامت درغد عذابن ملاينكن مريك مبلنجاكن هرتا يغ مريك ساغي قد جالن الله دغن فتوه كإخلاصن.

عملن مبلنجاكن هرتا يغ دساغي قد جالن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سريغ دلاكوكن اوليه قارا صحابه رسول الله ﷺ. دجريتاك دن دالم حديث يغ دروايتكن اوليه امام بخاري، درغد انس بن مالك رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، دي برکات: أَبُو طَلْحَةَ اِدَالَه اورغ يغ فاليع باين هرتان داننارا اورغ اورغ أنصار دمدينه. هرتا يغ فاليع دساغي اياهه يَزْوَءَ يايث سبواه كيون دمدينه يغ ترلتق برهادقن دغن مسجد دان رسول الله ﷺ مماسوقي كيون ايت سرتا ميمنوم أير يغ بايك ددالن. أَبُو طَلْحَةَ برکات: "واهاي رسول الله! سسوغكوهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم كتابن: "لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ" تفسيرن: كامو سكالی-کالی تيدق اكن دافت منجاوي (حقيقة) كجاجيقن (يغ سمفورنا دان قهلا ماسوق شرك) هيغك كامو مبلنجاكن درغد اف يغ كامو ساغي "دان سسوغكوهن هرتا ككايانكو يغ فاليع اكو ساغي اياهه يَزْوَءَ دان اكو ايعين مبلنجاكن دغن هارن منداقتكن كجاجيقن دان كنجارن قهلا دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. مك منفعتكنله كيونكو ايت، واهاي رسول الله مغيكوت

كهندقمو. "كمودين رسول الله ﷺ برسبدا: يَخْ، ذَلِكَ مَالٌ رَاحٍ، قَدْ سَبَّحْتَ مَا قُلْتَ فِيهَا، وَأَرَى أَنْ تُجْعَلَهَا فِي الْأَقْرَبِينَ.

مقصودن: باكوس. ايت اداله هرتا يغ مغاوتوغكن. ايت اداله هرتا يغ مغاوتوغكن. سسوغكوهن اكو تله مندر اف-اف يغ اُغْكَاو كاتكن مغلنن. اكو برفنداقت اداله لبه بايك سوفاي كيون ايت اُغْكَاو صدقهكن كغد قرايمو.

أَبُو طَلْحَةَ برکات: "اكو اكن لقسانكن، واهاي رسول الله!" كمودين أَبُو طَلْحَةَ مبلنجاكن كغد قرايه دان أنق ياف ساوداران.

انتارا إيتيساري دان قعاجرن يغ دافت كيت فلاجري درغد آية القرآن دان حديث ترسيوت اداله:

قرتام: مبلنجاكن هرتا يغ دساغي قد جالن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اِداله انتارا جارا اونتوق ممقراوله كجاجيقن يغ سمفورنا، يايث كنجارن شرك، رحمة دان رضاء الله سرتا سلامت درغد عذابن.

كدلوا: أومة إسلام دتوتنوت اونتوق سنتياس مغاوتامكن قوم كلوارك تردكت دالم برصدقه كران اي مرفاكن عملن يغ موليا دان ساغت ترفوجي.

كتيك: الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مها مغتهوي ستياف عملن يغ دكرجاكن اوليه همبا-همبان. جماعه يغ درحمتي الله،

عملن بروقف ساغت بسر منعتن كغد مشاركت. هرتا اتاو بندا يغ دوقفكن هندقله سسواتو يغ بوليه داميل منفعت درغد اونتوق دكوناكن دجالن كباين، سسواتو يغ تنف دان تيدق موده بيناس سقرتي رومه، تانه، كندران، قرالئن، بوكو دان سباكين. اوله ايت، تيدق صح بروقف دغن سسواتو يغ جك داميل منفعت درغدن مك سسواتو هرتا اتاو بندا ايت اكن برکورغ اتاو هاييس، سقرتي ماكن اونتوق دماكن دان سباكين.

سلاين ايت، هرتا اتاو بندا يغ تله دوقفكن ايت تيدق بوليه دتوكر نية، دجوال، دوايشي، دهديهن، دفينده ميليق، ديريكن كغد قهيق لايين اتاو دفيندهكن كتمقت لايين. بارغ وقف اداله ساليه ساتو روكون درغد روكون-روكون وقف، اقبيل سواتو بارغ ايت دوقفكن كغد قريما وقف، مك حق ميليق كاتس بارغ وقف برفينده دري ميليق فوقف كغد ميليك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اين برمعنى حق برتيدق كاتس بارغ وقف دان معميل منعتن تيدق لاكي دميليكي اوليه فوقف.

حكم بروقف اياهه سنة، دان كنجارن قهلا دري عملن بروقف ساغته بسر كران سي فوقف سنتياس ممرتا قهلا عملنن سلاكي بندا يغ دوقفكن ترسيوت ماسيه دافت دمنفتكن اوليه اورغ رامى، دان كنجارن ترسيوت اكن سنتياس مغاير دترما اوليه سي فوقف والاوقون دي تله منيغكل دنيا. درغد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبدا: إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ، انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

مقصودن: جك سساورغ منيغكل دنيا، مك ترفوتوسله عملن كجوالي تيك فركارا، يايث صدقه جارية، علمو يغ برمنفعت دان أنق صالح يغ مندعاءكن كدوا اورغ توان. {حديث رواية إمام مسلم}

جماعه يغ درحمتي الله،

الحمدلله، كسدان اونتوق بروقف سباكين منيغكت، سباكين رامى اورغ يغ بروقف اونتوق كمودهن مشاركت، سام اد كمودهن ترسيوت اونتوق ككونان دسكوله، دتمقت عوام، دمستج دان سباكين. جونتوهن دمستج، انتارا هرتا بندا يغ سريغ دوقفكن اياهه هرتا آليه يايث هرتا بندا يغ بوليه دفيندهكن سقرتي القرآن، كتاب-كتاب يس، بوكو-بوكو ذكر، كومفوتر، كرينا جنازه، كروسي ميحا، آلات فديغين اودرا دان سباكين. تيدق كورغ جوك اد يغ بروقف هرتا تَكْ آليه يايث هرتا بندا يغ تيدق بوليه دفيندهكن دري تمقت اصلن سقرتي تانه اونتوق دباغونكن مسجد، سكوله دان سباكين.

فرلو دايغت، سباكي فغكونا كيت هندقله برهاتي-هاتي ستماس مغلوناكن بارغ-بارغ وقف دان مبلهارن دغن بايك سوفاي منفعت بارغ-بارغ وقف ايت دافت برتاهن لاما دان دافت دكوناكن اوليه سموا اورغ، دان اورغ يغ بروقف قولا اكن دافت كنجارن قهلا سجارا برتروسن.

جماعه يغ درحمتي الله،

مندعكن مبلنجاكن هرتا دجالن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت سسواتو يغ دكالقن اوليه اكام كيت دان ساغت بسر فائده كغد أومت مأنسي دان قهلان جوك بسر دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، مك ساغت روكله باكي مريك يغ ممقراي كيمفوان دان كليهن جك تيدق مريوت قلوغ بريوات دميكن، كران كتيك ددنيا اينله سهاج تمقت اونتوق ميماي قهلا دان اكن دتواي حاصلن داخيرة كلق.

ايثله بهاوا اورغ-اورغ يغ برصدقه، بروقف، مبلنجاكن هرتان اونتوق اورغ لايين بوكن سهاج دافت مغليندركن ديري دري صفة كبخيلن، بهكن جوك دافت ملامتكن ديري درغد سيقسا أي نراك. مريك اينله اورغ-اورغ يغ برنهاكيا. أخيرن، ماريله كيت بردعاء سموك كيت منداقت رزقي يغ حلال دان بايك اكر دغن نعمت ترسيوت كيت دافت مغلوناكن كاره جالن يغ برکجاجيقن دان باكي منداقت رحمة سرت برکت درغد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

تفسيرن: دان نراك ايت اكن دجاوهكن درغد اورغ يغ برتقوى. يغ ميريكن هرتان اونتوق منسوجيكن. قد حال تياذ سيف فون يغ ميري نعمت كغدن سهيغك فاتوت دبالسن. ملاينكن كران هان منجاري كريضان توهنن يغ مها تيشكي. دان دي تنف اكن رضاء (مندافت كفواسن دغن كنجارن شرك).

{سورة الليل آية: ۱۷-۲۱}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَنِجَاحَ النَّاسِ.

IMBASAN MINGGUAN



AKSI dua Pasukan Bola Jaring semasa beraksi pada Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 yang berlangsung di Chantana Yingyong Stadium, Chulalongkorn University. - Foto : Azmah Haji Ahad.

PERARAKAN sejauh 1.3 kilometer di sekitar kawasan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja semasa Pesta Ria Inklusif : Perarakan Orang Kelainan Upaya (OKU) bersempena Sambutan Hari Antarabangsa OKU 2025. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



AKSI peserta dalam Kejohanan Dart antara Kementerian-Kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-32, Tahun 2025. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

ANTARA aktiviti yang diadakan semasa Hari Keluarga berupaya mengeratkan ikatan kasih sayang antara satu sama lain. - Foto : Nooratini Haji Abas.

SALAH satu pasukan berusaha sedaya upaya untuk menewaskan pihak lawan semasa perlawanan akhir Kategori Berat 680 kilogram Pertandingan Tarik Kalat Daerah Tutong sempena Festival Disember Brunei (Brunei December Festival) Ke-9, Tahun 2025 yang berlangsung di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمْ يَمُوتْ فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايَبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari akan nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراو نتوغن ساعت بسر کقد قشعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ (3)
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin Dikhaskan Bagi Golongan Keusahawanan Mikro, Kecil Dan Sederhana (MSME)

DA / JKSH / 141 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:

Sekolah Menengah Berakas
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:

Tahun Pertama
6 Bulan Pertama: BND497.00
sebulan
4 Bulan Terakhir: BND994.00
sebulan

Tahun Ke-2 & Tahun Ke-3:
BND994.00 sebulan

Jumlah Tiga (3) Tahun:
BND26,838.00

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Syarat Khas

1. Syarikat Yang Mempunyai Premis Perniagaan Di Daerah Brunei Muara Sahaja.
2. Telah Memperolehi Sijil Dan Mengikuti Kursus-Kursus Keusahawanan Seperti Livewire, BIBD Seeds, DARE Atau Pihak Agensi Yang Berkaitan Dengan Bidang Pemakanan.
3. Tidak Pernah Dilantik Sebagai Kantin Pembekal Bagi (MSME).
4. Melampirkan Keterangan Pengalaman Dalam Perkhidmatan Pemakanan.

Sebut Harga bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 142 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:

Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND1,380.00 Sebulan

DA / JKSH / 143 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:

Pusat Tingkatan Enam Tutong
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND614.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Syarat Khas

Dibukakan khas bagi Warga Negara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat hendaklah beralamat (mengikut Sijil Pemiagaan 16/17) di tempat kantin berkenaan bertapak. Sebagai contoh, hanya pemilik syarikat / premis syarikat yang beralamat di Daerah Brunei Muara yang dapat dipertimbangkan untuk mengendalikan kantin di sekolah-sekolah yang bertapak di

Tawaran Bagi Perkhidmatan Kantin

MOE / LTK / 76 / 2025 / 2026 [DA (BPPA-DIS-2025)]

Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi

Kantin Ibu Pejabat, Kementerian Pendidikan, Jalan Airport Lama, Berakas, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen

Tawaran:

BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:

13 Januari 2026,
Selasa

[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan dan Tajuk

Sebut Harga :

KHEU / BPPSM / PP / C / 02(STK)2026 - 01

Sebut Harga Membekal Jamuan Makanan & Minuman Bagi Majlis-Majlis Berbentuk Latihan (Perasmian Dan Penutup Bengkel / Kursus), Aktiviti Latihan dan Kursus Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bermula 1 April 2026 Hingga 31 Mac 2027 (Selama 1 Tahun).

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
4 Februari 2026

Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Arab Dan Sekolah-Sekolah Ugama Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06
Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Kampong Setia, Kawasan Brunei I

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 30 / 06
Sekolah Ugama Panchor Murai, Kawasan Brunei IV

Daerah Belait

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah Arab:

KHEU / JPI / KANTIN / 07 / 06
Sekolah Arab Belait, Belait

Daerah Tutong

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 34 / 06
Sekolah Ugama Lamunin, Tutong II

Daerah Temburong

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 42 / 06
Sekolah Ugama Bokok, Temburong

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu, 24 Rejab 1447H /
14 Januari 2026M
Jam 2.00 Petang.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0053 / 2025 / 2026 To Fabricate, Reprint And Replace Existing Signages At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Tutong Campus

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 31 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:

25 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Harga Borang Tawaran:

BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga / Tawaran :

Rabu
31 Disember 2025



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

27 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Dan Pemasangan Solar LED Flood Lights Dewan Bahasa Dan Pustaka, Berakas.

Tarikh Tutup Tawaran :

Khamis
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Daerah Brunei Muara.

Sebut Harga Secara Terbuka Bagi Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Kenderaan BG (Nissan Urvan) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

DA / JKSH / 144 / 2025 / 2026 [BKP-DIS-2025]

Sebut Harga Bagi Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Kenderaan BG (Nissan Urvan) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:

Sabtu,
10 Januari 2026
Jam 9.00 Pagi



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JKP / SH / 2025-2026 / 54
To Provide Event Management Services For Tourism Award Ceremony & Appreciation Night January 2026

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis, 8 Januari 2026,
Jam 2.00 Petang



PUSAT PEKERJAAN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB1
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Adobe Photoshop Di Bawah Program Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB2
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Adobe Illustrator Di Bawah Program Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB3
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Basic Bookkeeping Di Bawah Program Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T04
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus 'Soft Skills' Essential Problem Solving For Jobseekers

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB4
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Brunei Darussalam Accounting Standards Di Bawah Program Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB5
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus International Financial Report Standards Di Bawah Program Skillsplus

Yuran Tawaran:

BND 5.00

Tarikh Tutup:

Rabu,
24 Disember 2025
2.00 Petang





**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(160) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Baucar Alai Pintar

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 8 Januari 2026
Jam 8.00 Pagi



1. Bilangan Sebut Harga:
(152) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lima
(5) Buah Kenderaan BG Jabatan
Penerangan.

2. Bilangan Sebut Harga:
(153) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan BG Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero Sport - BG 4981.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 8.00 Pagi



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdafar Di Negara Brunei
Darussalam**

Kelas:
II, III & IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
15 Disember 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
30 Disember 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
13 Januari 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran
Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / TEMB / T029 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap
dan Penyelenggaraan Luar Bagi
Pekan Bangar dan Kawasan
Berdekatan Daerah Temburong Bagi
Tempoh Dua (02) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / TEMB / T029 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Non-Refundable)



**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 096 / 2025
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV Di Kawasan Sinarubai,
Masin, Ban Kg. Mulaut Dan
Sekitarnya
[Re-Tender]

Tarikh Tutup:
Selasa
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan Dalam Kelas VI, V
Atau VI Sahaja, dalam Kategori
E03 dan mempunyai pekerja
yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan lanjut bolehlah
diperoleh dari **Unit Tawaran,
Tingkat Empat, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan
Perdana Menteri.**



**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0067 / 2025
To Supply Oil Spill Response Kit
Including Additional Materials For
Capture Fisheries Industry And
Marine Ecosystem Division,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 112 / 2025
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV Bagi Stesen Elektrik Utama
Manggis 66 / 11KV Ke Stesen
Elektrik Utama Kebangsaan
Termasuk Kawasan-Kawasan
Jln Kebangsaan, Delima, Pulaie
Dan Anggerek Desa

Tarikh Tutup:
Selasa 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Peti Tawaran, Pengerusi, Lembaga
Tawaran Kecil, Jabatan Perdana
Menteri, Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.



**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek:**
01 / BBS /
GCDMGTSPLBG3SJBKS /
2026-2027

General Cleaning And Desilting
Manhole, Grease Trap, Gully Trap
And Sewerage Pipe Line At
Bangunan Gerai Sri Selera Seria,
Jalan Bunga Kemantin Seria

**Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam**

Kategori:
S01 / Perkhidmatan Kutipan Sisa
Pepejal, Sisa Pukal, Sisa
Pembinaan (Environment & Solid
Waste Management Services)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 126 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Load
Coupling Bolts & Nuts For Load
Gear Bearing
And Accessory Gear Bearing For
Frame 5 Gas Turbine Generator

Tarikh Tutup:
Selasa,
6 Januari 2026
2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelayakan:
Syarikat-Syarikat yang berdaftar
dengan Registry of Companies
and Business Names Division
(ROCBN)

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut boleh diperoleh di **Kaunter
Unit Tawaran dan Sebut Harga,
Tingkat Empat (4), Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan
Perdana Menteri.**



**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12
/ 2025-2026 (R).
Term Contract Of 12 Months On
Maintenance Work Including To
Inspect, Supply And Install Vehicle
Parts For Ministry Of Primary
Resources And Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian




**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 0212
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Kuala Lumpur,
Malaysia

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 0312
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Jakarta,
Republik Indonesia

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran / Sebut Harga:
MFA / JPKL / 21 / 275 / 2026
(AEMM)
Jemputan Sebut Harga
Bagi Kenderaan Sewa Kementerian
Hal Ehwal Luar Negeri
Bagi Kegunaan Semasa 25th
ASEAN-EU Ministerial Meeting
(AEMM)
Di Bandar Seri Begawan
Pada Bulan April 2026

Tarikh Tutup Tawaran / Sebut Harga:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Penuh Senarai Iklan			
Bilangan Iklan	2022/AUG/33	Bahagian	II
Jawatan	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II	Tangga Gaji	6.2 EB.3
Kementerian	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	Kekosongan	1
Jabatan	PUSAT SEJARAH BRUNEI	Jenis Iklan	7(A)
Unit		Tarikh Mula	05 SEPTEMBER 2027
		Tarikh Tutup	19

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAPAN B.2 B.3:**
Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahasa Arab / Pengajian Berseutan.
Memiliki kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGAPAN B.2:**

Syarat-Syarat Am:

(A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerajinan agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei.

(C) Pemohon bersedia untuk bekerja di luar waktu bekerja biasa atau (shift) atau semasa cuti awam dan juga bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

(D) Pemohon adalah Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya SANGAT BAIK.



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.



- 1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN



50 KANAK-KANAK SERTAI NUQRA ZOOMANZI



PROGRAM tersebut melibatkan 50 kanak-kanak dalam pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna (atas, atas kanan dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Quranic Learning
Centre Sendirian Berhad**

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 20 Disember. - Nuqra
Quranic (Nuqra) dengan
kerjasama Nuqra Math baru-
baru ini menganjurkan Program
Cuti Sekolah 'Nuqra Zoomanzi:
Escape The Jungle' di Hutan
Simpan Berakas.

Program tersebut melibatkan 50 kanak-kanak dalam pembelajaran yang menyenangkan dan bermakna.

Program berkenaan berteraskan lima surah Al-Quran berkaitan haiwan iaitu Surah Al-Fil, An-Naml, Al-Ankabut, Al-Baqarah dan An-Nahl, yang dihidupkan melalui aktiviti *jungle mission* dan penerokaan alam.

Para peserta didedahkan kepada nilai tawakal, kerjasama, ketaatan, tanggungjawab serta menghargai nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, sambil

mengasah kemahiran berfikir dan matematik melalui aktiviti interaktif Nuqra Math.

Secara keseluruhan, Nuqra Zoomanzi membantu ibu bapa supaya anak-anak dapat meluangkan aktiviti yang lebih bermanfaat di waktu cuti sekolah serta membantu mengurangkan kebergantungan kepada gajet serta menyemai kecintaan terhadap Al-Quran, ilmu dan alam, selari dengan usaha Nuqra melahirkan generasi seimbang duniawi dan ukhrawi.



Golongan kurang bernasib baik terima sumbangan



RESTORAN Nasi Ayam Asli dan Barossa Sendirian Berhad di Batu Bersurat baru-baru ini menganjurkan Majlis Makan Tengah Hari bagi meraikan kira-kira 60 individu kurang bernasib baik.

Siaran Akhbar dan Foto : Restoran Nasi Ayam Asli

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 20 Disember. - Restoran
Nasi Ayam Asli dan Barossa
Sendirian Berhad di Batu Bersurat
baru-baru ini menganjurkan Majlis
Makan Tengah Hari bagi meraikan
kira-kira 60 individu kurang
bernasib baik, buat tahun kedua

berturut-turut.

Daripada jumlah tersebut, 32 orang adalah pelajar yang dibantu oleh organisasi bukan berasaskan keuntungan tempatan, La Vida Berhad.

Mereka bukan sahaja dijamu dengan hidangan kegemaran tempatan di Nasi Ayam Asli tetapi juga menerima barangan keperluan sekolah.

Barossa Sdn. Bhd., pakar dalam jubin dan perkakas sanitari, yang terletak di Little Soho bersebelahan restoran berkenaan, turut menyumbangkan bekalan sekolah bernilai BND50 kepada setiap pelajar yang hadir pada majlis makan tengah hari itu.

Pemilic bersama Nasi Ayam Asli, Goh Kheng Yih dan Joshua

Thien, dalam satu kenyataan, berkata, restoran tersebut telah beroperasi selama kira-kira dua tahun, dan mereka berterima kasih kerana dapat berkhidmat kepada masyarakat dengan menyediakan juadah tempatan yang berpatutan.

"Sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, kami merasakan satu penghormatan dapat memberi kembali kepada masyarakat melalui platform ini dan berharap agar mereka yang kurang bernasib baik sadar bahawa mereka tidak akan pernah dilupakan," kata mereka.

Sebelum Majlis Makan Tengah Hari berakhir, baucar kedai menjual peralatan pejabat dan sekolah bernilai BND100, sumbangan komuniti La Vida, telah diserahkan kepada setiap pelajar yang hadir.



Bantu kesan pesalah buruh

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BERAKAS, Sabtu, 20 Disember.
Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja buruh yang dilaporkan lari daripada majikan.

Laporan telah dibuat di Balai Polis Berakas untuk mengesan seorang lelaki warganegara Republik Indonesia iaitu Khaerul Iman berusia 20 tahun dengan nombor pasport X6755281.

Subhungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki berkenaan boleh menghubungi Balai Polis Berakas menerusi talian, +673 2330410 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



WARGANEGARA Republik Indonesia yaitu Khaerul Iman dilaporkan lari daripada majikan.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +6738265111 untuk pertanyaan lanjut.**

Muka 2.

PELITA BRUNEI Hari Rabu 22 Disember, 1965.

Gambar ini diambil sa-tiba-nya rombongan Pengakap2 dari Brunei di-Perhentian Kereta Api Bangkok pada 9 Disember, 1965.



Perkhemahan Pengakap2 Sa-Asia Di-Bangkok:

Perwakilan Brunei Menjadi Johan Dalam Bahagian "Menarek Perhatian Pelawat2"

oleh Awang Ahmad Arshad-Wartawan Pelita Brunei

VAJIRAVUDH, THAILAND. — Perwakilan Pengakap2 Negeri Brunei ka-Perkhemahan Pengakap Sa-Asia yang ke-5 atau "5th National Jamboree" yang di-adakan tahun ini di-Thailand telah mendapat sambutan yang hangat sa-tiba-nya mereka di-Kawasan Perkhemahan Vajiravudh pada 9 Disember, 1965.

Pengakap2 Brunei itu telah diberi satu kawasan perkhemahan yang luas-nya kira2 satu ekar yang di-dirikan dua buah khemah untuk sa-ramai 37 orang pengakap2 tersebut.

Sa-banyak 8 buah negeri di-Asia termasuk Brunei telah mengambil bahagian dalam perkhemahan tersebut. Negeri2 itu ialah United Kingdom, Australia, New Zealand, Brunei, China, Laos, Malaysia dan Singapura.

Jumlah pengakap2 luar dari Negeri Thailand yang mengambil bahagian dalam perkhemahan itu 432 orang dan yang paling banyak sa-kali menghantar perwakilan-nya ka-Jamboree tersebut ialah negeri Malaysia ia-itu sa-ramai 171 orang.

Perkhemahan tersebut telah di-hadiri juga oleh lebih 6,000 orang pengakap2 di-sekitar negeri Thailand.

Pada hari pertama perkhemahan itu di-jalankan ia-itu pada 10 Disember, 1965, Brunei telah terchatet sa-bagai perwakilan yang paling ramai sa-kali di-kunjongi oleh pelawat2. Dengan ini, dalam chatetan markah, Brunei telah menjadi johan dalam bahagian *menarek perhatian pelawat2*.

Manakala pada hari kedua pula, Brunei telah berjaya mendapat 3 buah bendera kejohanan dalam bahagian Tatatertib Perkhemahan atau Camp Standard. Ketiga2 buah bendera itu telah berkibar di-hadapan Perkhemahan Brunei.

Mengenai masakan pula, Pengakap2 Thailand telah memberi pujian kerana kelazatan masakan Brunei yang di-masak oleh pengakap2 Brunei sendiri.

Pada hari Juma'at 10 Disem-

ber, 1965, Ketua Perwakilan Brunei, Awang A. M. Salleh Ibrahim dengan di-temani oleh Awang Matamit bin Iradat, Guru Pengakap Daerah Belait telah mengadakan lawatan ka-Pejabat Akhbar Pengakap2 di-Vajiravudh Scout Camp.

Duli Yang Maha Mulia Putera Mahkota Vajiralongkorn, Putera Mahkota Thailand, sa-orang Pengakap Kelas Satu di-Sekolah Chitralada dan Ketua Patrol, telah melawat ka-Perkhemahan Pengakap2 Brunei pada 10 Disember, 1965.

Sabagai kenang2an lawatan Di-raja itu, Pengakap2 Brunei telah menghadihkan sa-batang tongkat yang di-perbuat dari jenis kayu "Tunjang Pipit" ia-itu satu jenis kerajinan tangan penduduk2 Brunei.

TARIAN "ADAI-ADAI"

Sa-lain dari itu, sa-bagai mengalu2kan lawatan Di-raja itu, Pengakap2 Brunei juga telah mempersembahkan sa-buah tarian asli Brunei yang tidak asing lagi ia-itu

tarian "Adai Adai".

Pengakap2 Brunei telah bertuah kerana dapat beramah tamah dengan Putera Mahkota Thai itu yang juga menjadi sa-orang pengakap yang aktive dari keturunan Di-raja Thailand.

Putera Diraja itu, ketika bertemu ramah dengan Pengakap2 Brunei telah menunjukkan keikhlasan-nya dan Baginda juga sentiasa mengeluarkan kalimat "my brothers from Brunei".

Pengakap2 Brunei yang mengandongi 37 orang termasuk 12 orang guru2 pengakap telah tiba di-kawasan Perkhemahan tersebut pada petang 9 Disember, 1965.

Sa-lepas tujuh hari dalam perkhemahan nanti, Pengakap2 Brunei itu akan menginap di-Sekolah Vathanavech, Dhonburi sa-lama 3 hari dan akan mengadakan lawatan di-tempat2 yang terkenal di-sekeliling Bangkok.

PENGAKAP2 YANG PERAMAH

Pengakap2 Brunei itu sentiasa dalam keadaan sehat dan mereka telah mendapat pujian sa-bagai pengakap2 yang peramah dan hormat dan di-chatet dalam hati Pengakap2 Thailand sa-bagai "baik hati".



Majlis Penyampaian Sijil Kelas2 Dewasa

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis Penyampaian Sijil Kelas2 Dewasa Bandar Prunei telah diadakan di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada petang hari Selasa 14 Disember, 1965.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan bin Uking.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Penolong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Limbang; Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Penolong Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin; Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes; Pegawai2 Kanan Jabatan Pelajaran dan lain2-nya.

Sa-belum menyampaikan Sijil2 kepada penuntut2 yang berjaya, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan telah memberikan satu ucapan mengandongi nasehat2 yang berfaedah bukan sahaja kepada penuntut2 Kelas2 Dewasa tersebut, bahkan kepada penuntut2 dan murid2 sekolah di-negeri ini samomom-nya.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Penyusun Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhammad; Wakil Penuntut2 Kelas2 Dewasa tersebut, Awangku Matarsad bin Pengiran Metassan dan oleh Pengerusi Majlis itu, Awangku Tuah bin Pengiran Haji Menuddin.

Seramai 5 orang penuntut2 telah di-berikan Sijil Perguruan Trengkas dan Menaip; 24 orang penuntut2 Sijil Menaip dan Trengkas, Peringkat2 Permulaan dan Menengah; 52 orang penuntut2 Sijil bagi orang2 dewasa memberantas buta huruf dan 6 orang penuntut2 di-berikan Sijil Bahasa Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu Tingkatan III.

Perkhemahan Pengakap2 Brunei di-Perkhemahan Pengakap Antara Bangsa di-Bangkok telah di-kunjongi oleh ramai para para pelawat pada tiap2 hari di-adakan perkhemahan tersebut. Ini-lah satu pemandangan Perkhemahan Pengakap Brunei di-perkhemahan tersebut. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang Pengakap Brunei, Awang Md. Tahir Wahab sedang memberi penerangan kepada pelawat2.

Menelusuri keindahan panorama perairan Sungai Brunei penuh sejarah

Rencana dan Foto : Nurdyanah Rajami

WALAU PUN Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang kecil, namun ia mempunyai banyak tempat-tempat menarik dan bersejarah yang belum sepenuhnya diterokai untuk dijadikan sebagai lokasi tarikan pelancong, sama ada wujud secara semula jadi ataupun yang dibina oleh masyarakat setempat.

Antara yang sememangnya sinonim sebagai salah satu daya tarikan pelancong ialah Kampong Ayer. Seseekali menjejakan kaki di Kampong Ayer pastinya mampu mencetuskan di lorong ingatan kita mengenai keindahan warna-warni kehidupan masyarakat Melayu silam. Suasana anak-anak muda berpakaian cara Melayu bersinjang sambil berjalan di atas jambatan berdekatan dengan rumah-rumah lama dengan pelbagai jenis 'Rumah Belah Bubung', 'Rumah Berhidong' dan 'Rumah Tungkup' yang sungguh unik di pandang mata.

Begitu juga suasana riuh-rendah kebiasaan kanak-kanak bermain permainan tradisional kikik di atas jambatan *pail-pail* kayu. Ke hulu ke hilir, golongan 'Padian' yang merupakan salah satu aktiviti perekonomian mereka yang kini telah terhakis ditelan zaman. Hakikatnya, zaman silih berganti, hampir segalanya hanya tersisa tinggal kenangan. Kenangan yang tersimpan memori suka dan duka yang bagaikan suatu yang pergi lalu meninggalkan jejak.

Apa yang menariknya, walaupun Kampong Ayer ketika ini sudah jauh berubah dari Kampong Ayer dahulu tetapi tetap tidak akan mengubah kemeriahan suasana persekitarannya dengan riuh pikuk atau hingar bingar perahu tambang, orang-orang kampung berjalan di jambatan-jambatan

mahupun kelibat orang *mengail* di pantaran rumah dan begitu juga dengan keindahan perairan Sungai Brunei di sekitarnya sehingga mampu menjadi satu tarikan destinasi pelancongan dalam negara sehingga kini.

Bersantai sambil menimba pengetahuan khazanah silam, itulah menariknya destinasi lawatan pelancongan yang lebih berkonsepkan Kenali Negara Kitani (KNK) yang pernah dirasai sendiri oleh penulis bersama beberapa orang rakan yang sememangnya mampu mewujudkan pengalaman terindah menerokai keindahan perairan Sungai Brunei yang pastinya memiliki khazanah pulau-pulau penuh bersejarah.

Menelusuri khazanah perairan Sungai Brunei

Dengan menaiki bot laju bermula dari Jeti Queen Elizabeth II, Kampung Dato Gandi, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan, destinasi lawatan pelancongan domestik ini yang diadakan seawal jam 9.00 pagi itu sememangnya menyediakan aktiviti menarik menerusi sesi pengembaraan ke pulau-pulau di perairan Sungai Brunei dengan unsur-unsur pengetahuan sejarah dan budaya yang sememangnya begitu penting untuk diketahui oleh para generasi penerus bangsa.

Sambil menikmati keheningan pagi dengan hembusan angin dan desiran ombak di perairan Sungai Brunei yang menenangkan itu, kami bukan hanya dapat menyaksikan keindahan panorama persekitaran alam semula jadi penuh kehijauan bahkan lebih istimewanya kami juga berpeluang melihat tujuh buah pulau

dan beberapa destinasi yang menyimpan nilai sejarah serta legenda yang tersendiri.

Diwarnai bait-bait folklor kebruneian

Meski panas terik semakin menyengat, namun rasa itu tidak begitu mematah semangat kami untuk meneruskan perjalanan bahkan penerokaan di sekitar perairan Sungai Brunei semakin mengasyikkan, lebih-lebih lagi dengan adanya kisah-kisah folklor di sepanjang destinasi-destinasi yang dituju antaranya Pulau Keingaran, Pulau Chermin, Pulau Baru-Baru, Pulau Berambang dan juga Makam di Luba.

Salah satu cerita lisan yang diketengahkan oleh salah seorang pemandu pelancong tempatan pada ketika itu ialah mengenai Lumut Lunting. Terletak di antara Pulau Sibungur dengan Pulau Berambang di kawasan Sungai Brunei yang mana ia merupakan legenda yang dikaitkan mengenai dengan kisah persabungan ayam di antara Brunei dengan Majapahit seperti yang terdapat dalam Syair Awang Semaun. Cerita persabungan ayam ini telah menjadi cerita lisan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Brunei dan dipertuturkan daripada satu generasi ke satu generasi.

Sebuah kisah bersulam pedoman

Apabila menyaksikan sebuah batu seolah-olah batu berbentuk bahtera yang senget terdampar dan selebihnya ditenggelamkan air di salah sebuah perairan kawasan Sungai Brunei. Dinamakan Jong Batu, salah satu cerita rakyat yang masih segar dalam ingatan masyarakat kita walaupun ia sudah lama berlalu.

Cerita ini berkisarkan anak derhaka yang

tidak mengakui ibunya menjadi batu bersama seluruh bahteranya di Sungai Brunei. Itulah pembalasan azab daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan disebut sebagai 'anak ketulahan' oleh masyarakat Brunei kita. Inilah cerita rakyat yang dapat dijadikan iktibar kepada kita semua agar sentiasa menghormati kedua ibu bapa atau orang yang lebih tua daripada kita.

Bersama mendukung destinasi pelancongan domestik

Oleh yang demikian, apa yang penting, menerusi lawatan sebegini, ia juga dapat menyemai dan mendidik diri kita untuk lebih menghargai khazanah warisan budaya bangsa seperti sejarah dan cerita rakyat kita yang sememangnya perlu dipertahankan warisannya, agar tidak luput ditelan zaman dan dilupakan oleh generasi muda akan datang.

Lawatan pelancongan berkonsepkan KNK sebegini pastinya terasa begitu indah bagi para penggemarnya lebih-lebih lagi setelah menjalani segala kesibukan dalam meniti kehidupan sehari-hari. Namun apa yang pasti baik buruknya melancong ini bergantung kepada seseorang individu. Adakah ia bertujuan meluaskan pandangan sekali gus menambahkan ilmu pengetahuan? Atau adakah ia sekadar untuk bersantai atau membeli-belah?

Hakikatnya, jika dipandang dari sudut positif dan logiknya, sememangnya banyak perkara yang boleh diperoleh daripada kegiatan melancong ini. Paling kecil pun, terbuka minda agar lebih berilmu atau dengan kata lain semakin banyak kita meneroka, semakin banyak dapat dipelajari. Memang benarlah kata peribahasa, jauh perjalanan luas pemandangan.



LEBIH 5,000 INSIDEN SIBER DILAPORKAN SEMBILAN BULAN PERTAMA TAHUN INI



LENGGONG, 20 Dis. - Data rasmi Pusat Tindak Balas Keselamatan Siber (Cyber999) di bawah CyberSecurity Malaysia merekodkan sebanyak 5,735 laporan insiden siber sehingga September lepas.

Ketua Setiausaha Kementerian Digital Fabian Bigar berkata jumlah itu meningkat lebih 1,000 kes, berbanding 4,659 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

"Kita kini berhadapan dengan realiti bahawa ancaman digital bukan lagi perkara kemungkinan, tetapi realiti dan berlaku setiap hari.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan peningkatan ketara

dalam kes penipuan dalam talian sehingga November tahun ini, khususnya penipuan telekomunikasi yang melibatkan ribuan mangsa dan anggaran kerugian melebihi RM700 juta di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Karnival Cakna Digital 2025 yang dirasmikan Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong di sini hari ini.

Fabian berkata statistik itu merangkumi pelbagai insiden seperti penipuan, pencerobohan data, serangan kod berniat jahat iaitu perisian yang direka untuk

merosakkan atau mencuri maklumat serta percubaan intrusi, iaitu cubaan pihak luar masuk ke dalam sistem teknologi tanpa kebenaran.

Beliau berkata ia juga menunjukkan ancaman digital hadir dalam pelbagai cara dan menyasarkan semua pengguna Internet tanpa mengira latar belakang, dengan penganjuran karnival seperti hari ini diharapkan memberi pengetahuan untuk menjadi perisai keselamatan digital kepada komuniti.

"Dengan memberi pendedahan kepada langkah keselamatan siber, cara mengenal pasti penipuan serta amalan digital yang selamat,

kita berharap penduduk setempat dapat menggunakan teknologi dengan lebih yakin dan selamat sekali gus menyumbang kepada pembentukan komuniti lebih berdaya tahan," katanya.

Sementara itu, Saarani dalam ucapan perasmian berkata kerajaan negeri Perak berpandangan transformasi digital tidak boleh berlaku secara kebetulan sebaliknya mesti disusun secara terancang dan berpaksikan kepada keperluan sebenar rakyat.

"Sehubungan itu, Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 dilancarkan sebagai hala tuju yang jelas bagi memperkukuh infrastruktur digital, meningkatkan kecekapan pentadbiran awam serta

memperkasakan ekosistem perniagaan dan masyarakat melalui pendigitalan," katanya.

Saarani berkata pelaksanaan pelan itu merangkumi peluasan capaian digital luar bandar, pembangunan Point of Presence serta penggunaan teknologi satelit orbit rendah di kawasan pedalaman.

"(Selain itu) pengukuhan pembayaran tanpa tunai dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana serta pembangunan ekosistem inovasi digital negeri yang semuanya dipantau secara bersepadu agar manfaatnya benar-benar sampai kepada rakyat," katanya. - ©BERNAMA

Majlis Keselamatan PBB perbaharui mandat pasukan pengaman di Congo untuk setahun lagi

HAMILTON, 20 Dis. - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC) pada Jumaat memperbaharui mandat Misi Penstabilan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Republik Demokratik Congo (MONUSCO) untuk tempoh setahun lagi, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Resolusi yang dirangka oleh Perancis itu melanjutkan mandat MONUSCO sehingga 20 Disember 2026.

Resolusi berkenaan menerima

sokongan sebulat suara, dengan kesemua 15 anggota UNSC mengundi menyokongnya.

"Perancis telah berusaha mengambil kira pendirian semua anggota UNSC bagi mencapai keputusan berasaskan konsensus," kata Wakil Tetap Republik Perancis ke PBB Jerome Bonafont sebelum pengundian.

"Teks ini mencerminkan, namun juga mengingatkan bahawa sekatan terhadap kebebasan pergerakan MONUSCO serta

pelaksanaan mandatnya adalah tidak boleh diterima," katanya sambil menggesa Majlis supaya "bersedia untuk bertindak sekiranya sekatan ini berterusan".

Beliau turut berkata bahawa "pengundian hari ini merupakan satu pencapaian penting bagi MONUSCO, yang hanya boleh membuahkan hasil berdasarkan kemajuan ketara di lapangan, mengambil kira tahap serius serta keperluan mendesak situasi berkenaan". - ©BERNAMA

Kemboja sasar jadi destinasi pelancongan premium, teroka pasaran baharu di Timur Tengah

PHNOM PENH, 20 Dis. - Kemboja kini giat meneroka pasaran pelancongan baharu di Timur Tengah bagi mempromosikan negara itu sebagai sebuah destinasi pelancongan premium di Asia Tenggara.

Kemasukan syarikat penerbangan Timur Tengah seperti Emirates, Etihad, Qatar Airways dan Turkish Airlines secara signifikan memperkukuh kesalinghubungan global Kemboja dengan menghubungkan negara itu ke hab utama di Timur Tengah, Eropah dan kawasan lain.

Lembaga Pelancongan Kemboja (CTB) menyifatkan perluasan rangkaian udara itu bakal memperkukuh kedudukan negara berkenaan sebagai destinasi kebudayaan premium yang sedang pesat membangun di rantau ini.

"Kemudahan akses yang ditambah baik ini membantu mempelbagaikan pasaran sumber melampaui ketibaan serantau tradisional, menarik lebih ramai pelancong jarak jauh yang berbelanja tinggi, serta menyokong sektor pelancongan MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran) serta perjalanan perniagaan.

"Ia juga akan memperkukuh keyakinan dalam kalangan pelabur antarabangsa dan pengusaha pelancongan," kata Ketua Pegawai Eksekutif CTB, Kim Minea kepada Bernama baru-baru ini.

Turkish Airlines telah melancarkan penerbangan langsung dari Istanbul ke Phnom Penh pada 11 Disember lepas, sekali gus memudahkan perjalanan dari Eropah ke Kemboja yang kaya dengan pelbagai warisan budaya.

Segmen pelancongan Muslim kini berkembang pesat di seluruh dunia. Indeks Pelancongan Muslim Global Mastercard-Crescent Rating 2025 mengunjurkan pengembara antarabangsa Muslim akan meningkat kepada 186 juta orang tahun ini.

Ramalan jangka panjang pula menunjukkan angka luar biasa sebanyak 245 juta pengembara Muslim menjelang 2030 dengan jumlah perbelanjaan mencecah RM941 bilion (US\$230 bilion).

Sebagai ekonomi yang bergantung kepada pelancongan, Kemboja meletakkan kedudukannya sebagai destinasi inklusif yang mengalu-alukan semua pengembara termasuk pelawat Muslim.

Minea berkata objektif utamanya adalah untuk memastikan keselesaan, rasa hormat dan kemudahan akses bagi pengembara daripada semua agama, sambil terus mempamerkan kekayaan warisan budaya, sejarah, gastronomi dan tarikan semula jadi Kemboja.

"Kemboja sudah mempunyai ekosistem pelancongan mesra halal yang semakin berkembang. Kerajaan Diraja Kemboja dan rakan kongsi sektor swasta bekerjasama untuk meningkatkan perkhidmatan patuh halal, termasuk hotel mesra Muslim, restoran diperakui halal dan kemudahan tempat solat di destinasi pelancongan utama," katanya.

Kira-kira 4.4 juta pelancong asing melawat Kemboja dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Lapangan Terbang Antarabangsa Techo bernilai RM6 bilion (US\$1.5 bilion) yang mula beroperasi pada September lepas kini bersedia menerima pengendali penerbangan premium dengan kemudahan modennya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Ejen Pelancongan Kemboja, Chhay Sivlin memberitahu Bernama bahawa kemasukan syarikat penerbangan bertaraf dunia merupakan petanda keyakinan yang kuat terhadap potensi pelancongan Kemboja serta infrastruktur penerbangan baharu yang moden.

"Keyakinan ini selanjutnya mampu menarik pelaburan asing ke dalam sektor pelancongan dan hospitaliti," katanya.

Beliau berkata penerbangan berkenaan menyediakan "jambatan udara" penting bagi pelancong antarabangsa menerusi kesalinghubungan yang lancar dan reputasi baik yang telah lama dibina.

Selain itu, "Pelan Pembangunan Pelancongan Muslim" Kemboja kini sedang membina infrastruktur sedia pelancongan yang penting bagi menyambut ketibaan pengembara Muslim. - ©BERNAMA

Parlimen gagal capai kesepakatan, Republik Perancis berdepan ketidakpastian belanjawan

PARIS, 20 Dis. - Jawatankuasa bersama Ahli Parlimen Perancis daripada Perhimpunan Kebangsaan dan Senat gagal mencapai kompromi mengenai Belanjawan 2026 negara itu pada Jumaat, lapor Xinhua.

Perhimpunan Kebangsaan menerusi platform media sosial X memaklumkan kegagalan itu sekali gus menonjolkan perpecahan mendalam yang menyebabkan Perancis menamatkan tahun ini tanpa belanjawan negara.

"Selaras dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh Perlembagaan dan undang-undang organik, parlimen tidak akan dapat mengundi belanjawan untuk Perancis sebelum akhir tahun ini," kata Perdana Menteri Republik Perancis Sebastien Lecornu

melalui akaun X miliknya.

Lecornu berkata beliau akan memanggil pemimpin politik utama untuk membincangkan langkah-langkah melindungi rakyat Republik Perancis dan meneroka syarat-syarat bagi penyelesaian yang berpotensi.

Beliau sebelum ini menyatakan bahawa kerajaan tidak akan menggunakan Perkara 49.3 Perlembagaan - yang membolehkan perundangan diluluskan tanpa undian parlimen - seperti yang dilakukan pada tahun-tahun sebelumnya.

Ahli Parlimen kini dijangka meluluskan langkah sementara dengan melanjutkan belanjawan 2025 ke tahun depan, sebelum menyambung semula usaha merangka belanjawan akhir 2026.

Pada Selasa, parlimen

meluluskan dengan majoriti tipis rang undang-undang belanjawan keselamatan sosial, yang merupakan elemen penting dalam rancangan perbelanjaan kerajaan yang lebih luas.

Republik Perancis, ekonomi kedua terbesar di zon euro, kini berada di bawah tekanan untuk mengurangkan defisit dan hutang yang melambung tinggi, namun usaha itu terjejas akibat kebuntuan politik.

Kerajaan minoriti pimpinan Lecornu mempunyai ruang terhad untuk bertindak dalam parlimen yang berpecah-belah, di mana kemelut belanjawan berkaitan langkah pengurangan kos telah pun menyebabkan dua pendahulunya tersingkir dalam tempoh lebih sedikit dari setahun. - ©BERNAMA

Dewan atas parlimen Republik Persekutuan Jerman lulus undang-undang khidmat tentera baharu

BERLIN, 20 Dis. - Undang-undang perkhidmatan tentera baharu Republik Persekutuan Jerman menetapkan keperluan bagi lelaki muda untuk menjalani pemeriksaan perubatan dan didaftarkan bagi potensi perkhidmatan tentera, manakala perkhidmatan aktif kekal secara sukarela, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Rang undang-undang itu akan berkuat kuasa pada 1 Januari depan, selepas ia diluluskan oleh dewan atas parlimen, Bundesrat, pada Jumaat.

Menurut perundangan berkenaan, parlimen boleh

memutuskan untuk memperkenalkan kerahan tenaga wajib sekiranya sasaran bagi memperluaskan angkatan tentera gagal dicapai melalui langkah sukarela semata-mata.

Undang-undang itu bertujuan meningkatkan bilangan anggota dalam Angkatan Tentera Jerman atau Bundeswehr daripada 184,000 pada masa ini kepada antara 255,000 hingga 270,000 menjelang 2035.

Bermula tahun depan, semua lelaki dan wanita muda yang lahir pada tahun 2008 atau selepasnya akan menerima soal selidik

peribadi mengenai motivasi mereka untuk menyertai perkhidmatan tentera.

Golongan lelaki diwajibkan untuk menjawab soal selidik itu, manakala wanita diberi pilihan untuk tidak berbuat demikian memandangkan perkhidmatan tentera wajib tidak tertakluk ke atas mereka di bawah Perlembagaan Jerman.

Semua lelaki yang lahir pada atau selepas 1 Januari 2008 dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan, namun secara praktikalnya, pemeriksaan itu tidak akan dilakukan dengan serta-merta. - ©BERNAMA



REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM MEMULAKAN PEMBINAAN KERETA API LAO CAI-HANOI-HAI PHONG

LAO CAI, Republik Sosialis Viet Nam, 21 Dis. - Pihak berkuasa Republik Sosialis Viet Nam, pada Jumaat, memulakan pembinaan komponen pertama kereta api Lao Cai-Hanoi-Hai Phong, sebuah projek penting yang bertujuan meningkatkan kesalinghubungan serantau dan memacu pembangunan ekonomi di utara Republik Sosialis Viet Nam.

Dalam majlis tersebut, Timbalan Menteri Pembinaan Republik Sosialis Viet Nam, Nguyen Danh Huy, berkata, projek itu mencerminkan komitmen yang kukuh antara Republik Sosialis Viet Nam dan Republik Rakyat China untuk memperdalam perkongsian strategik komprehensif serta mempercepat pembinaan komuniti dengan masa hadapan bersama yang membawa kepentingan strategik.

Beliau menambah, projek berkenaan merupakan pencapaian

strategik dalam pembangunan sistem infrastruktur negara moden dan dijangka mewujudkan momentum pertumbuhan baharu bagi kawasan-kawasan yang dilaluinya.

Kereta api itu akan melalui lebih 390 kilometer (km) landasan utama, merentasi enam wilayah dan bandar iaitu Lao Cai, Phu Tho, Hanoi, Bac Ninh, Hung Yen dan Hai Phong.

Dibina mengikut lebar landasan standard, laluan tersebut direka untuk pengangkutan penumpang dan kargo, dengan kelajuan maksimum sehingga 160km

sejam pada bahagian utama.

Duta Republik Rakyat China ke Republik Sosialis Viet Nam, He Wei, berkata, projek berkenaan akan terus memudahkan perhubungan antara kawasan,

meningkatkan kapasiti pengangkutan merentas sempadan dengan ketara, mengurangkan kos logistik serta mempermudah aktiviti ekonomi.

Beliau menambah, projek itu juga akan membolehkan kesalinghubungan rangkaian bekalan antara kedua-dua negara dan memberikan sokongan kukuh

bagi pembangunan ekonomi.

Beliau turut menzahirkan harapan agar kedua-dua pihak dapat memajukan projek ini secara saintifik, teratur dan stabil.

Komponen pertama projek tersebut melibatkan pembinaan infrastruktur stesen dan dataran stesen sepanjang laluan. - ©XINHUA



DUTA Republik Rakyat China ke Republik Sosialis Viet Nam, He Wei, berucap pada Majlis Pecah Tanah bagi komponen pertama kereta api Lao Cai-Hanoi-Hai Phong di Lao Cai, Republik Sosialis Viet Nam. (Xinhua/Liu Ying)

Google, Apple nasihat pekerja dengan visa tidak tinggalkan AS

MOSCOW, 21 Dis. - Gergasi teknologi Amerika Syarikat, Google dan Apple, dilaporkan menasihatkan sebahagian pekerja mereka yang memegang visa kerja supaya tidak melakukan perjalanan ke luar Amerika Syarikat (AS), lapor Sputnik/RIA Novosti memetik laporan portal berita Business Insider berdasarkan e-mel dalam syarikat.

Menurut laporan itu, Google dan Apple menasihatkan sebahagian pekerja berkenaan agar tidak meninggalkan AS berikutan kelewatan urusan di kedutaan.

Penasihat undang-undang luar bagi kedua-dua syarikat turut menghantar e-mel kepada pekerja yang memerlukan cop visa untuk masuk semula ke AS supaya tidak keluar dari negara itu, memandangkan proses pengeluaran visa kini mengambil

masa lebih lama daripada biasa.

Kelewatan itu dikaitkan dengan pengenalan keperluan pengesahan media sosial untuk kategori pelancong tertentu yang memasuki AS.

Minggu lalu, NBC melaporkan, memetik satu dokumen US Customs and Border Protection (CBP), bahawa pihak berkuasa AS merancang untuk meminta data media sosial bagi tempoh lima tahun terdahulu daripada pelancong asing yang memohon masuk ke negara itu.

Laporan itu turut menyatakan bahawa CBP akan mengumpul nombor telefon dan alamat e-mel yang digunakan pemohon sepanjang tempoh lima tahun lalu, selain maklumat terperinci mengenai ahli keluarga terdekat, termasuk nama, tarikh lahir dan tempat tinggal.

Pada November, pentadbiran

Presiden AS Donald Trump mengarahkan pegawai visa supaya mengambil kira diabetes dan penyakit kronik lain seperti penyakit jantung, kanser dan obesiti sebagai alasan untuk menolak permohonan visa ke AS.

Menurut laporan Washington Post, garis panduan Jabatan Negara AS itu turut mengarahkan pegawai visa menolak kemasukan pemohon atas beberapa alasan baharu, termasuk mencapai usia persaraan, mempunyai ibu bapa lanjut usia, serta mempunyai tanggungan dengan "keperluan khas" atau ketidakupayaan.

Sebelum ini, CBP mengeluarkan data yang menunjukkan AS telah menjalankan pemeriksaan tertinggi pernah direkodkan terhadap telefon dan peranti elektronik warga asing yang memasuki negara itu sepanjang setahun lalu. - ©BERNAMA

Kemajuan dicapai dalam fasa pertama pelan damai Gaza

WASHINGTON, 21 Dis. - Kemajuan dicapai dalam pelaksanaan pelan damai Gaza yang dikemukakan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) pada Sabtu memetik Utusan Khas AS ke Timur Tengah Steve Witkoff.

"Fasa pertama telah menunjukkan kemajuan termasuk peluasan bantuan kemanusiaan, pemulangan mayat tawanan, pengunduran sebahagian pasukan, serta pengurangan permusuhan," tulis Witkoff di platform X, sehari selepas rundingan bersama wakil Republik Arab Mesir, Qatar dan Republik Turkiye.

"Rundingan lanjut akan diteruskan dalam beberapa minggu akan datang

bagi memajukan pelaksanaan fasa kedua," kata beliau.

Fasa kedua pelan damai Gaza merangkumi usaha pembinaan semula wilayah yang musnah itu.

Israel menegaskan bahawa mayat tawanan terakhir yang masih ditahan di Gaza sejak perang pada 2023 mesti dipulangkan terlebih dahulu - antara syarat yang ditetapkan dalam fasa awal pelan berkenaan.

Pelan itu turut menyeru kepada pelucutan senjata Hamas, namun kumpulan berkenaan menyatakan ia tidak akan menyerahkan senjatanya.

Witkoff berkata rundingan itu juga menumpukan langkah-langkah untuk memudahkan perdagangan di rantau berkenaan serta

pembangunan infrastruktur.

"Dalam konteks ini, kami menyatakan sokongan terhadap penubuhan serta pengoperasian Lembaga Keamanan dalam masa terdekat sebagai pentadbiran peralihan bagi landasan awam, keselamatan dan pembinaan semula," katanya.

Penubuhan Lembaga Keamanan merupakan satu daripada 20 perkara dalam pelan damai Gaza yang diumumkan Trump pada akhir September.

Di bawah cadangan itu, Gaza akan ditadbir sementara oleh sebuah jawatankuasa teknokrat tidak berpihak, di bawah seliaan badan peralihan baharu yang dikenali sebagai Lembaga Keamanan, yang menurut Trump akan dipengeruskannya. - ©BERNAMA

Gempa bumi 5.5 skala richter landa luar pesisir wilayah Aomori, Jepun

TOKYO, 21 Dis. - Gempa bumi berukuran 5.5 pada skala Richter melanda luar pesisir Wilayah Aomori di utara Jepun pada Ahad, lapor Xinhua memetik agensi kaji cuaca negara itu.

Gegaran berlaku pada 10.29 pagi waktu tempatan di luar pesisir Pasifik Aomori pada kedalaman 50 kilometer, menurut Agensi Meteorologi Jepun (JMA).

Pusat gempa dikenal pasti pada latitud 40.7 darjah utara dan longitud 142.3 darjah timur.

Tiada amaran tsunami dikeluarkan.

Walaupun amaran selama seminggu berhubung peningkatan risiko gempa bumi kuat telah ditarik balik pada Isnin susulan gempa 7.5 pada skala Richter yang melanda kawasan utara dan timur laut Jepun pada 8 Disember lalu, pegawai JMA menggesa orang ramai supaya terus berwaspada. - ©BERNAMA

LEBIH 700 SERTAI BMW BRUNEI INTERNATIONAL HALF MARATHON



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Disember. – The BMW Brunei International Half Marathon (BIHM) 2025 telah diadakan pagi tadi dengan penyertaan lebih 700 peserta terdiri daripada pelari tempatan dan antarabangsa dengan memainkan peranan penting dalam mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi sukan terbaik di rantau ini.



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir selaku tetamu kehormat pada The BMW Brunei International Half Marathon (BIHM) 2025 (atas kiri dan atas), sementara gambar bawah kiri, antara peserta yang menyertai acara berkenaan.

Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Turut hadir, Pengurus Besar QAF Auto Sdn. Bhd., Alisa Khoo; Ketua Pegawai Operasi GoMamam, Amin Rambli dan Race Director BMW BIHM 2025, Pengiran Danny bin Pengiran Tajuddin.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Pengiran Eddy bin Pengiran Tajuddin, diikuti dengan sesi pemanasan badan beramai-ramai yang diketuai oleh jurulatih dari Fitness Zone.

Seterusnya, pelepasan bendera bagi Kategori Maraton Separuh Terbuka dan Kategori Maraton Separuh BMW. Pengurus Besar QAF Auto Sdn. Bhd., Alisa Khoo turut merasmikan pelepasan bendera bagi perlumbaan 10 kilometer (km) yang disertai oleh seramai 638 peserta.

Bagi Kategori Maraton Separuh Terbuka Lelaki, Martin Onesmus meraih tempat pertama, diikuti oleh

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Dennis Isika tempat kedua dan Ruzaini Mahadi tempat ketiga.

Sementara, Kategori Maraton Separuh Terbuka Wanita pula, tempat pertama disandang oleh Siaw Khim Tho, diikuti oleh Shiyun Trena Tay tempat kedua dan Yee Yen Lim tempat ketiga.

Bagi Kategori Maraton Separuh Terbuka Lelaki BMW, Mastani bin Yussop muncul sebagai juara, diikuti oleh Pengiran Andy bin Pengiran Momin tempat kedua dan Mohammad Ikhwani bin Haji Junaidi tempat ketiga.

Bagi Kategori Maraton Separuh Terbuka Wanita BMW, Nuroh Roszaimy meraih tempat pertama, diikuti oleh Dayangku Rabiatul Muthiah binti Pengiran Haji Ismail tempat kedua, manakala Fadhlina Ahmad menyandang tempat ketiga.

Dalam Kategori Terbuka Lelaki 10km pula, Kasyful Asymawi

meraih tempat pertama, diikuti oleh Irfan Arfah tempat kedua dan Abbas Abdullah tempat ketiga. Bagi Kategori Terbuka Wanita 10km, Ann Nukuhi muncul sebagai juara, diikuti oleh Linda Chin Hui Ching tempat kedua dan Jia Jia Jap tempat ketiga.

BMW BIHM 2025 terus mencerminkan komitmen BMW Brunei dalam mempromosikan gaya hidup aktif, penglibatan komuniti serta kecemerlangan dalam penganjuran acara sukan.

Dianjurkan oleh Akif Event Management dan disokong oleh QAF Auto Sdn. Bhd. selaku Penaja Utama serta GoMamam sebagai Penaja Platinum, penyertaan yang menggalakkan dan maklum balas positif daripada para pelari serta penonton telah mengukuhkan lagi kepentingan acara ini yang semakin meningkat dalam kalendar sukan tahunan Brunei.

DPMM FC menang selesa

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Tangkap Layar RTBGo



DPMM FC meraih kemenangan terhadap Sabah FC pada siri perlawanan Liga Super Malaysia 2025/2026 dengan keputusan 3 - 1 (atas dan atas kanan).

SABAH, Sabtu, 20 Disember. - DPMM FC menang selesa ke atas Sabah FC dengan keputusan berakhir 3 - 1, sekali gus mengutip 3 mata penuh pada siri perlawanan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 yang berlangsung malam tadi, bertempat di Stadium Likas, Sabah.

Sepuluh masa pertama menyaksikan DPMM FC lebih bijak mengawal permainan dan



melakukan beberapa serangan, hingga akhirnya berjaya menjaringkan gol menerusi jaringan pemain import, Ramadhan Sananta pada minit ke-19. Gol tersebut terhasil daripada serangan balas pantas.

Bermula daripada hantaran jauh pemain pertahanan pasukan pelawat, bola ditanduk oleh Jordan Murray ke arah Ramadhan

Sananta.

Ramadhan Sananta kemudiannya membawa bola berkenaan, dengan bijak melepasi seorang pemain pertahanan pasukan tuan rumah sebelum melepaskan rembatan yang tidak dapat ditahan penjaga gol, menggelongsor ke sudut kiri gawang pasukan lawan.

Babak kedua perlawanan pula

menyaksikan DPMM FC menunjukkan penguasaan permainan yang lebih baik dengan melancarkan beberapa serangan yang berkesan.

Usaha mereka membuahkan hasil pada minit ke-74, apabila Tommy Mawat mendapat hantaran dari sayap kiri, kemudian melakukan tendangan tajam dari luar kotak penalti, menewaskan penjaga gol Sabah FC, Damien Lim.

Selang dua minit kemudian, Sabah FC berjaya menjaringkan gol sulungnya pada malam tersebut menerusi Ajdin Mujagic yang menerima umpanan dari arah kanan, menyelesaikan jaringan berkenaan dengan sepakan kaki kiri yang tajam.

Kapten DPMM FC, Azwan Ali Rahman seterusnya berjaya menjaringkan gol setelah mendapat umpanan daripada Hakeme Yazid Said pada minit ke-86.

Keputusan kekal 3 - 1 sehingga tamat perlawanan.

Kemenangan tersebut mengangkat kedudukan DPMM FC ke tangga kelapan carta Liga Super Malaysia 2025 / 2026.



ePaper Pelita Brunei



PASUKAN KP2 LANGSAT JUARA PERLAWANAN SEPAK TAKRAW

Siaran Akhbar dan Foto : Ketua Unit Belia dan Kesukanan, Majlis Perundingan Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir pada Kejohanan Sepak Takraw sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2025 Belia Kampung Piasau-Piasau, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong, dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong.

TEMBURONG, Ahad, 21 Disember. - Pasukan KP2 Langsung muncul johan Perlawanan Sepak Takraw sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2025, diikuti Pasukan KP2 Belunu tempat kedua, manakala Pasukan Pulasan menduduki tempat

ketiga. Kejohanan dianjurkan oleh Belia Kampung Piasau-Piasau, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong, dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan

Cawangan Daerah Temburong. Penganjuran perlawanan tersebut bertujuan menyemarakkan aktiviti kesukanan berteraskan komuniti serta memartabatkan sukan tradisional dalam kalangan penduduk kampung. Ia turut

menjadi platform bagi mengetengahkan bakat terpendam pemain-pemain tempatan serta memberi peluang kepada penduduk, khususnya golongan kanak-kanak dan belia, untuk terlibat secara aktif ke arah kehidupan yang lebih sihat melalui aktiviti sukan.

Selain itu, kejohanan ini juga bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat dan penduduk kampung melalui aktiviti sihat, di samping menampilkan kebolehan masing-masing dalam satu pasukan yang terbaik.

Perlawanan dibukakan kepada penduduk Kampung Labu Estate dan Kampung Piasau-Piasau sahaja, sama ada yang masih menetap di kampung mahupun yang telah berpindah mengikut keluarga masing-masing.

Setiap pasukan terdiri daripada tiga orang pemain, seorang pemain simpanan serta seorang veteran.

Penyertaan adalah percuma dan semua peserta dikehendaki menyediakan pakaian pasukan masing-masing.

Atur cara kejohanan bermula seawal jam 6.45 pagi dengan kehadiran ahli-ahli jawatankuasa, diikuti para pemain dan penduduk kampung.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, sesi suai kenal pasukan serta taklimat ringkas mengenai format perlawanan sebelum perlawanan dimulakan pada jam 8.00 pagi dan diteruskan sehingga sebelah petang.

Pada jam 2.00 petang, kejohanan dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Cawangan Belia dan Sukan Daerah Temburong, Awang Mohd. Noramizul bin Haji Serbini, disusuli sesi suai kenal bersama pasukan separuh akhir dan perlawanan akhir.

Kejohanan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang, sesi bergambar ramai serta bersurai.

Sparring Showdown perkukuhkan semangat kesukanan, mantapkan kecergasan

Oleh : Faiz Haji Julaihi
Foto : Ihsan Wolfpack Training Ground

TUTONG, Ahad, 21 Disember. - Sukan tempur *boxing* (tinju) dan *kickboxing* bukanlah sesuatu yang baru diketahui di negara ini, namun masih ada segelintir yang memandang sukan tersebut dengan sedikit stigma. Walhal, ia adalah satu seni bela diri dan sukan tempur yang membina kecergasan diri, meningkatkan keyakinan, sekali gus menambah baik kesihatan fizikal dan mental.

Sukan tempur tersebut diadakan di dalam persekitaran terkawal dengan jurulatih yang bertauliah dan berpengalaman jadi wajarlah untuk kita bersikap terbuka mengenainya, salah satu alternatif bagi aktiviti sihat untuk kita manfaatkan.

Sehubungan itu, Sparring Showdown telah diadakan petang tadi di Wolfpack Training Ground, Pekan Tutong.

Pertunjukan simulasi perlawanan dalam pertandingan berkenaan menampilkan seramai 10 peserta, sembilan peserta dari Wolfpack Training Ground dan seorang peserta jemputan dari Silverback Muay Thai, Kuala Belait.

Setiap perlawanan diberikan sebanyak tiga pusingan dan 2 minit untuk setiap pusingan bagi Kategori Remaja / Dewasa

(Umur 21-37 Tahun) dan sebanyak dua pusingan dan 2 minit untuk setiap pusingan bagi Kategori Kanak-kanak (Umur 7-8 Tahun). Peraturan yang ditetapkan membolehkan para peserta menggunakan tumbukan, tendangan, serangan lutut, tetapi serangan menggunakan siku adalah dilarang.

Tujuan Sparring Showdown ini diadakan adalah untuk menyebarkan tentang seni serta manfaat sukan tempur khasnya *boxing* dan *kickboxing*, di samping meraikan usaha para peserta dan fokus diberikan kepada penambahbaikan, pembelajaran dan semangat kesukanan, bukan soal menang atau kalah, ujar juruacara acara berkenaan, Rynnol Haikal.

Pada akhir acara, Ketua Kampung Panchor, Awang Muhammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman selaku Ketua Jurulatih Wolfpack Training Ground, menyampaikan anugerah dan sijil kepada beberapa peserta atas prestasi mereka. 'Most Progressive Fighter' telah diberikan kepada peserta yang telah menunjukkan kemajuan tinggi dari mulanya program *training camp* hinggalah hari acara berkenaan.



SESI bergambar ramai pada akhir acara bersama para peserta dan jurulatih dan juga Ketua Kampung Panchor, Awang Muhammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman selaku Ketua Jurulatih Wolfpack Training Ground.

'Most Attendance' telah diberikan kepada peserta yang telah menunjukkan dedikasi dengan menghadiri setiap kelas yang diadakan dalam program *training camp* selama lima minggu sempena Sparring Showdown. 'Most Entertaining Bout' telah diberikan kepada dua peserta yang telah menunjukkan teknik dan semangat kesukanan yang mantap, sekali gus menghasilkan satu pertunjukan perlawanan yang menarik untuk para penonton.

Untuk maklumat lanjut mengenai Wolfpack Training Ground, sila ikuti @wolfpack.bn dan juga Silverback Muay Thai di @silverback.muaythaibn di Instagram.

Diharap pertunjukan tersebut membantu meningkatkan sokongan, kerjasama dan minat daripada masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti seperti ini, seraya memupuk semangat warga ke arah menjalani kehidupan yang sihat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MUHASABAH DIRI, BOLEH MENGHASILKAN KEBAIKAN YANG BERGANDA UNTUK DIRI SENDIRI